

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Di dalam bab ini, penulis membincangkan tentang latar belakang kajian yang ingin dijalankan, permasalahan kajian, objektif, kepentingan, batasan dan skop kajian, konsep dan definisi perkataan yang berkaitan serta rangka kajian.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Agama Islam merupakan satu- satunya agama rasmi yang telah diiktiraf oleh perlembagaan negara kita. Seseorang yang mengaku beragama Islam bertanggungjawab memahami agama yang dianutinya dengan baik dan betul. Sehubungan dengan itu, untuk menjadi seorang muslim yang sebenar, memerlukan kepada ilmu dan pengetahuan dalam bahasa Arab (BA). Hakikat ini tidak dapat dinafikan kerana sumber rujukan utama umat Islam iaitu al- Quran telah diturunkan oleh Jibrail AS kepada Nabi kita Muhammad SAW dalam BA. Allah SWT berfirman:

 إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya kami menurunkan Al- Quran di dalam bahasa Arab, agar kamu memahaminya. (Surah Yusuf: 2)

BA sudah dikenali di Malaysia sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada zaman pemerintahan kesultanan Melayu Melaka lagi. Pada waktu itu, pedagang- pedagang dari tanah Arab datang berdagang di Melaka dan dalam masa yang sama mereka menggunakan peluang tersebut untuk menyebarkan agama Islam. Semenjak dari itu,

bermulalah perkembangan Islam di Tanah Melayu sekaligus menjadikan BA sebagai salah satu bahasa untuk memahami Islam.

Lama- kelamaan penduduk yang pada asalnya beragama Islam menganggap BA bukan lagi satu bahasa asing bagi mereka. Bahkan mereka menganggap perlu mempelajari BA supaya mereka dapat memahami isi al- Quran, hadis dan buku- buku agama yang sebahagian besarnya ditulis dalam BA. Umat Islam khususnya ahli- ahli agama sangat dikehendaki memahami BA yang merupakan salah satu medium untuk memahami dan mengkaji isi kandungan al- Quran, hadis dan sumber ilmu agama yang lain dengan tujuan untuk menyampaikannya kepada masyarakat dengan pemahaman yang betul.

Hari ini BA merupakan antara salah satu bahasa yang terpenting di dunia dan ia terus berkembang sebagai bahasa dunia dalam arus pendidikan global, bukan sahaja di negara- negara Timur Tengah bahkan ia telah pun mendapat tempat di negara- negara Eropah mahupun di Asia Tenggara termasuklah Malaysia. Tidak dinafikan bahasa ini mula mendapat penerimaan yang baik samada di peringkat tempatan mahupun di peringkat antarabangsa. Bermula dari peringkat rendah dan menengah, kini ia telah pun mendapat tempat di kebanyakan institusi pengajian tinggi di Malaysia, samada sebagai subjek elektif ataupun sebagai medium perantaraan seperti yang telah dilaksanakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Seiring dengan rancaknya perkembangan BA di Malaysia, kita juga dapat menyaksikan evolusi pendidikan BA di negara kita sejak kebelakangan ini. Pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) BA yang terdahulu dan moden telah digabungkan untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang tersebut. Namun begitu, masih terdapat kekurangan dan kelemahan yang sering diperbahaskan dari semasa ke

semasa. Fenomena ini juga telah dikenal pasti berlaku di UIAM di mana para pelajar tidak dapat memahami dan menguasai bahasa ini dengan baik walaupun telah bertahun-tahun mempelajarinya.

Fakta ini disokong oleh banyak kajian yang dijalankan di seluruh negara bagi melihat sejauhmana pencapaian pelajar kita dalam bidang BA dan penemuan yang diperolehi amatlah mengecewakan. Ramai di kalangan pensyarah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan bercakap tentang kemerosotan tahap penguasaan BA dalam kalangan pelajar IPTA (Osman:1994; Ismail:1994). Kelemahan pelajar IPTA dalam menguasai BA sudah diketahui umum dan amat mendukacitakan. Kelemahan ini merupakan isu benar yang tidak dapat disangkal. Kelemahan mereka yang ketara terletak pada perbendaharaan kata, morfologi, nahu (sintaksis) dan gaya bahasa (*uslub*) (Mat Taib:2008).

Abdul Rahim (2005) pula menyatakan bahawa kemerosotan penguasaan BA dalam kalangan graduan universiti sangat dirasai sekarang ini, khususnya pelajar lepasan BA dari IPTA Malaysia. Mat Taib Pa (2006) pula menambah penguasaan BA di kalangan pelajar Melayu dirasakan amat lemah, dan kelemahan mereka ini kelihatan lebih ketara daripada pelajar-pelajar terdahulu walaupun usaha-usaha penambahbaikan telah dilakukan seperti buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan.

Justeru itu, Pusat Asasi UIAM telah mengorak langkah ke hadapan dengan memperkenalkan kaedah “ Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugasan (KPBBT)” ataupun lebih dikenali dalam bahasa Inggeris (BI) dengan “ *Task Based Language Teaching*

(TBLT) sebagai satu alternatif baru untuk menangani permasalahan berkaitan pengajaran bahasa tersebut.

Inisiatif penulis dalam kajian ini ialah mengkaji kaedah tersebut dalam pengajaran BA di Pusat Asasi UIAM dengan melihat dari aspek kelebihan dan kekurangan kaedah ini bagi mempertingkatkan mutu P&P BA di pusat ini. Oleh itu, kajian ini akan cuba memfokuskan kepada pandangan pensyarah yang telah menggunakan kaedah tersebut dengan mengambil kira pendapat mereka, serta persepsi para pelajar terhadap penggunaan kaedah ini dalam membantu mereka memahami BA dengan lebih berkesan dan praktikal.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Penulis mendapati telah banyak kajian dan penulisan yang dibuat berkaitan dengan KPBBT, namun fokus kajiannya banyak menjurus ke arah bahasa asing yang lain khususnya BI. Kaedah ini telah mula diperkenalkan di negara barat sejak era 80-an lagi, dan ia terus berkembang serta mendapat perhatian ramai pengkaji bahasa khususnya dalam konteks pengajaran bahasa asing. Namun kajian terhadap penggunaan kaedah ini dalam P&P BA secara khusus masih belum dibuat setakat ini.

Di samping itu, penulis juga mendapati kaedah pengajaran BA sekarang sering dipersoalkan tentang keberkesanannya dalam melahirkan generasi yang bijak BA. Begitu juga dengan pencapaian BA pelajar di Pusat Asasi UIAM masih di tahap yang tidak memuaskan. Dalam merungkai permasalahan ini, penulis merasakan ianya ada kaitan dengan kaedah pengajaran semasa yang diguna pakai di pusat ini. Perkembangan pesat teknologi dan corak pendidikan masa kini juga menunjukkan betapa metode pengajaran dan pembelajaran sekarang ini perlu kepada satu inovasi dan

perubahan demi mewujudkan satu kaedah pengajaran yang relevan dan efektif bagi memantapkan dan menjayakan matlamat pengajaran BA di pusat ini.

Di Malaysia, pencapaian dan penguasaan pelajar terhadap BA pada keseluruhannya masih belum boleh dibanggakan terutamanya di peringkat sekolah (Shahrin : 2000). Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian para pelajar, antaranya kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Justeru itu, kajian yang bersepadu dan menyeluruh perlu ditingkatkan bagi mengenal pasti apakah isu- isu yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan cuba menilai kaedah yang telah digunakan serta mencari kaedah- kaedah yang terbaik untuk diaplikasi dalam pengajaran BA di Malaysia.

Pendapat ini disokong oleh banyak kenyataan dan kajian yang mengaitkan punca kelemahan BA di kalangan pelajar adalah berkait dengan kaedah pengajaran guru, antaranya Ishak Mohd Rejab (1993) menyebut bahawa salah satu masalah yang timbul dalam P&P BA adalah berpunca daripada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru kurang sesuai dan kurang berkesan. Hal ini berikutan kebanyakan guru rata-ratanya tidak terdedah dengan kaedah pengajaran BA sebagai bahasa asing serta kurangnya pengetahuan linguistik dalam pembelajaran bahasa selain daripada pengaruh bahasa ibunda. Antara hasil kajian lain menyebut bahawa punca kegagalan proses P&P BA ialah kurang pengetahuan berkenaan pendekatan pengajaran BA di kalangan guru (Jefridin Pilus: 2002).

Jadi, jelas di sini bahawa kaedah pengajaran guru memberikan impak yang besar terhadap pembelajaran BA yang lebih berkesan. Oleh itu, penulis ingin mengkaji kaedah baru yang diperkenalkan di pusat ini iaitu KPBBT dari aspek kesesuaiannya

dalam pengajaran BA serta dalam masa yang sama mengkaji kekuatan dan kekurangannya bagi meningkatkan prestasi BA di kalangan para pelajar serta memberikan cadangan- cadangan yang mungkin dapat mengatasi kekurangan yang wujud sebagai usaha penambahbaikan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian yang dilakukan oleh penulis mempunyai beberapa objektif iaitu:

- 1.3.1 Mengetahui pemahaman pensyarah terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas.
- 1.3.2 Mengkaji kelebihan dan kekurangan Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas dalam pengajaran BA berdasarkan pengalaman pensyarah.
- 1.3.3 Meninjau persepsi pelajar terhadap pengajaran Pensyarah BA yang menggunakan Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas.
- 1.3.4 Melihat keberkesanan Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas dalam kalangan pelajar.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan berikut:

- 1.4.1 Bagaimanakah pengetahuan dan pemahaman pensyarah terhadap “Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas”?
- 1.4.2 Apakah pandangan pensyarah BA terhadap “Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas” berdasarkan pengalaman mereka?
- 1.4.3 Apakah persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah BA yang menggunakan “Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas”?

1.4.4 Apakah persepsi pelajar terhadap “Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas”?

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan, antaranya:

- 1.5.1 Diharapkan agar dapat memberikan garis panduan yang berguna terhadap kaedah P&P yang paling sesuai digunakan untuk meningkatkan mutu BA di Pusat Asasi UIAM.
- 1.5.2 Dapat memudahkan pihak yang terlibat dalam penulisan dan penyusunan kurikulum BA untuk mengatur rancangan dan strategi yang sesuai bagi menghasilkan silibus yang menepati kehendak pensyarah dan pelajar dalam mempertingkatkan penguasaan mereka terhadap BA.

## **1.6 Batasan dan Skop Kajian**

Penulis memfokuskan kajiannya terhadap “KPBBT” dengan membincangkan aspek kekuatan serta kelemahan kaedah ini. Kajian ini melibatkan 15 orang pensyarah, (10 orang berbangsa Melayu dan 5 orang berbangsa Arab) serta 30 orang pelajar (14 lelaki dan 16 perempuan) yang sedang belajar BA dalam tiga peringkat yang berbeza iaitu peringkat permulaan (LQM 0208), peringkat pertengahan (LQM 0430) dan peringkat tinggi (LQM 0516 & LQM 0616). Mereka terdiri daripada pelajar aliran sains dan sastera. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah kerana populasi pelajar datang daripada gugusan fakulti yang berbeza. Responden yang dipilih terdiri daripada para pelajar yang berasal daripada pelbagai status sosial dan latar belakang BA yang berbeza.

## 1.7 Konsep dan Definisi

Penulis menyatakan di sini konsep dan definisi beberapa perkataan yang penting supaya kajian ini mudah difahami.

### 1.7.1 Kaedah

Perkataan “kaedah” adalah berasal daripada BA iaitu قَاعِدَةٌ ". Dalam Kamus al-Marbawiy, perkataan ‘kaedah’ membawa maksud jalan, petua, cara dan asas. Namun istilahnya yang lebih tepat mengikut konteks pengajaran BA ialah " طَرِيقَةٌ " yang juga bermaksud jalan, cara, teknik dan kaedah.

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat: 2005) kaedah ialah cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa).

Menurut Sapon Ibrahim, antara pengertian kaedah dalam P&P ialah:

- 1- Perancangan atau prosedur yang perlu diamalkan oleh semua guru bagi melaksanakan proses P&P yang sistematik, terancang dan teratur.
- 2- Sebagai langkah atau cara yang perlu digunakan oleh guru supaya pelajar dapat memahami maksud sebenar pengajaran yang ingin disampaikan oleh guru kepada mereka.
- 3- Satu prosedur bagi melakukan sesuatu aktiviti yang didahului dengan kewujudan pendekatan.
- 4- Proses yang penting bagi ditentukan terlebih dahulu oleh guru sebelum mula memikirkan apakah teknik yang mahu digunakan dalam satu-satu topik pengajaran.



### **1.7.2 Pengajaran**

Perkataan ‘pengajaran pula’ jika dirujuk dalam kamus dewan (Edisi Keempat: 2005) membawa maksud perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar).

Ianya dijelaskan lagi oleh Kamaruddin (1998) yang menyatakan bahawa pengajaran adalah satu bentuk komunikasi untuk memberitahu dan mempengaruhi.

Penulis merumuskan bahawa pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu dan ia meliputi semua aspek seperti aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian yang bertujuan untuk menyebarkan ilmu kepada pelajar.

### **1.7.3 Kaedah Pengajaran**

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat 2005) ‘kaedah mengajar’ bermaksud cara mengajar berdasarkan prinsip- prinsip tertentu.

Sapon Ibrahim di dalam artikelnya beliau menjelaskan bahawa kaedah mengajar ialah cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah- langkah penyampaian tersusun. Ia juga merujuk kepada satu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran spesifik dalam jangka masa pendek.

Muhammad ‘Abd al-Qadir Ahmad (1982) pula menyatakan kaedah pengajaran ialah metode yang digunakan oleh guru dalam menjalankan aktiviti pengajaran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar- pelajarnya dengan cara yang paling

mudah, masa yang paling singkat dan perbelanjaan yang paling minimum. Metode yang berjaya ialah yang dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat pada sukatan, buku atau pelajar.

Radinah Uthman Ahmad dan Hizam Uthman Yusuf (2005) menerangkan kaedah pengajaran merupakan himpunan metode yang diikuti oleh guru dengan tujuan menyampaikan subjek kepada pelajar dengan bantuan teknik- teknik dan cara- cara tertentu dengan syarat ianya bersesuaian dengan latar belakang subjek dan memelihara perbezaan tingkah laku para pelajar.

#### **1.7.4 Tugas (*Task*)**

Konsep tugas menurut pakar- pakar bahasa adalah seperti berikut:

- a) Prabhu (1987): tugas ialah aktiviti yang memerlukan pelajar untuk sampai kepada suatu hasil tertentu berasaskan kepada maklumat yang diberikan melalui beberapa proses pemikiran, dengan membenarkan guru untuk membimbing dan mengatur proses ini.
  
- b) Breen (1987): tugas ialah sesuatu percubaan yang sistematik untuk mempelajari bahasa, mempunyai tujuan tertentu, dan kandungan yang sesuai serta perlaksanaan aktiviti tertentu yang membawa kepada hasil yang diharapkan. Tugas mengandungi perancangan aktiviti yang bertujuan untuk memudahkan pengajaran bahasa dengan bersandarkan kepada latihan- latihan secara berperingkat bermula dengan aktiviti- aktiviti yang mudah dan ringkas sehinggalah kepada aktiviti- aktiviti yang sukar dan kompleks.

- c) Nunan (1989) : tugas ialah kerja kelas yang melibatkan pelajar dalam pemahaman, tindakan, penghasilan atau interaksi dalam bahasa sasaran di mana fokus utama mereka lebih tertumpu pada makna berbanding dengan bentuk luaran.
- d) J. Willis (1996) : tugas merupakan aktiviti di mana bahasa sasaran digunakan oleh para pelajar untuk berkomunikasi dengan tujuan untuk mencapai natijah (*outcome*).

### **1.7.5 Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas (KPBBT)**

Menurut Keith (2008), KPBBT ialah satu pendekatan yang menyediakan bahan pembelajaran kepada para pelajar dengan memerlukan penglibatan mereka secara aktif bagi mencapai matlamat yang digariskan atau menyiapkan tugas yang diberikan. Kaedah ini bertujuan menggalakkan para pelajar membangunkan aspek pertuturan mereka melalui tugas yang disediakan dan menyelesaikannya melalui penggunaan bahasa.

Manakala Ellis (2003) dan Nunan (2004) pula menjelaskan KPBBT merupakan satu pendekatan komunikasi dalam pengajaran bahasa di mana tugas digunakan untuk memudahkan pemerolehan bahasa.

## **1.8 Rangka Kajian**

Kajian yang dilakukan terbahagi kepada lima bab utama di mana setiap bab mengandungi bahagian- bahagian tertentu. Secara umumnya penulisan ini dibahagikan kepada:

## 1) **Bab 1 : Pengenalan**

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang akan dijalankan. Ia membincangkan pengenalan tajuk kajian, latar belakang kajian, permasalahan kajian, termasuk objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan dan skop kajian, konsep dan definisi serta rangka kajian.

## 2) **Bab 2 : Kajian Literatur**

Di dalam bab ini penulis membincangkan mengenai kaedah pengajaran, jenis- jenis kaedah pengajaran BA yang biasa digunakan, pengajaran BA di Malaysia secara umum dan pengajaran BA di Pusat Asasi UIAM dengan lebih khusus dan penjelasan dengan terperinci tentang Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas (KPBBT) serta kajian- kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk.

## 3) **Bab 3 : Metodologi Kajian**

Di dalam bahagian ini, perbincangan adalah berkisar tentang metodologi yang digunakan termasuk reka bentuk kajian, lokasi kajian, subjek kajian, instrumen kajian yang berupa dua set soalan kaji selidik jawapan terpilih untuk dua kumpulan responden iaitu pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam kajian ini.

## 4) **Bab 4 : Dapatan Kajian**

Bab ini mengandungi perbincangan mengenai data dan dapatan yang diperolehi daripada responden menerusi set soal selidik yang diberikan kepada mereka.

## 5) **Bab 5 : Kesimpulan Dan Saranan**

Di dalam bab terakhir ini, penulis membuat rumusan dan kesimpulan daripada penemuan yang diperolehi. Penulis juga mengemukakan saranan dan cadangan kepada pihak- pihak yang berkenaan sebagai salah satu usaha penambahbaikan terhadap

KPBBT dengan tujuan meningkatkan mutu P&P BA di pusat ini khususnya dan di Malaysia amnya.

## **1.9 Penutup**

Bab ini membentangkan tentang maklumat awal kajian yang ingin dilakukan oleh penulis. Kajian terhadap KPBBT merupakan satu kajian yang masih baru dan belum meluas terutamanya dalam bidang pengajaran BA. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai perintis kepada kajian- kajian akan datang demi kelansungan BA untuk generasi seterusnya.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan tentang kaedah pengajaran BA di Malaysia, jenis-jenis kaedah pengajaran BA, pengajaran BA di Pusat Asasi UIAM dan memberikan pencerahan tentang “Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas” (KPBBT) serta beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk.

#### **2.1 Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia**

Di dalam apa jua bidang ilmu termasuk pembelajaran bahasa, kaedah pengajaran memainkan peranan yang penting untuk memastikan keberkesanan sesuatu ilmu yang hendak disampaikan kepada pelajar. Penggunaan kaedah pengajaran yang baik dan sesuai boleh membantu guru mencapai objektif pengajarannya dan juga memberikan impak positif kepada pelajar dalam memahami dan menguasai sesuatu bidang ilmu.

Sejarah BA di Malaysia bermula dengan kedatangan agama Islam di rantau ini. Penduduk Tanah Melayu mula mengenal huruf dan bunyi Arab dalam beberapa amalan agama yang berkait rapat dengan BA. Namun BA pada waktu itu belum dipelajari secara khusus kerana tumpuan lebih kepada pengajaran al- Quran dan Fardhu Ain (Khoo Kay Kim, 1980; Mohd Salleh, 1992). Walaupun begitu, BA diajar secara tidak langsung melalui pengajian agama yang menggunakan kitab yang ditulis dengan BA (Ishak: 1993).

Pada peringkat permulaan, pengajaran dan pembelajaran BA diadakan di rumah-rumah melalui orang yang tahu tentang agama. Usaha-usaha pengajaran pada masa itu dijadikan dalam bentuk tidak formal. Apabila bilangan orang yang hendak belajar agama Islam bertambah ramai, maka tempat pengajaran diadakan di surau-surau, masjid-masjid dan juga di istana. Tempat-tempat ini juga telah menjadi pusat-pusat dakwah Islamiah oleh para ulamak dan mubaligh-mubaligh.

Pengajian rasmi BA di Malaysia boleh dikatakan bermula dengan kemunculan sekolah-sekolah pondok pada abad ke-18 (Abdullah Jusuh:1989). Awang Had Salleh (1981) pula menambah bahawa dalam peringkat ini, institusi-institusi pondok mula ditubuhkan oleh anak-anak tempatan yang pulang dari Mekah ataupun yang telah menamatkan pengajian di Negara Timur Tengah. Institusi ini sebenarnya telah mula wujud pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu.

Pada peringkat awal, pengajian lebih tertumpu kepada pengajian sintaksis dan morfologi sebagai prasyarat kepada pengajian ilmu-ilmu Islam yang dipelajari selepas itu (Rosni Samah: 2009). Guru-guru yang terlibat dalam mengajar subjek BA ketika itu hanya menggunakan kaedah tradisional ataupun lebih dikenali dengan nama kaedah nahu terjemahan yang hanya menekankan aspek tatabahasa kepada pelajar melalui penyampaian secara satu hala sahaja tanpa ada penglibatan pelajar secara aktif.

Pada tahun 1977, Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi dibentuk selaras dengan pengambilan 11 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Negeri dan diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Guru-guru mula diberi latihan dan kursus di dalam dan luar negara

termasuk Sudan dan Arab Saudi. Buku teks pula dari masa ke semasa diperkemas dengan bantuan pakar- pakar BA dari ISESCO (Rosni Samah: 2009).

Kurikulum BA untuk sekolah menengah menurut Zainal Abidin (1990) mula digubal secara rasmi pada tahun 1977 dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Usaha menerima pendekatan pengajaran BA secara komunikatif pula bermula pada tahun 1980 sehinggalah apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan. Kurikulum BA juga digubal semula dan dilaksanakan di semua sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah berasrama penuh dan kelas aliran agama mulai tahun 1991.

Pada tahun 1996 melalui Akta Pendidikan 1996, BA secara rasmi dimasukkan dalam kurikulum pendidikan Malaysia sebagai bahasa asing. Ia diajar di sekolah sebagai salah satu mata pelajaran. Hari ini BA bukan sahaja berada di sekolah aliran Arab bahkan sebagai mata pelajaran wajib di Sekolah Berasrama Penuh Dan Institusi Pengajian Tinggi (Jassem Ali, 1999)

Beliau menambah pembelajaran dan pengajaran BA dihangatkan lagi dengan penubuhan jabatan BA di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan universiti yang terawal menubuhkan Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, kemudian Jabatan BA di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kemudian Jabatan BA Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, seterusnya Universiti Putra Malaysia dengan Unit BA. Pada tahun 2005, Universiti Sains Islam Malaysia pula menubuhkan Program BA dan Komunikasi di Fakulti Pengajian Bahasa Umum. Manakala yang terakhir ialah penubuhan jabatan yang sama di UNISZA.



Antara inisiatif lain ialah pelaksanaan Program j-QAF hasil daripada cetusan idea mantan YAB Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah Badawi pada tahun 2005. Beliau berhasrat melalui program ini, dapat melahirkan murid di sekolah rendah yang bukan sahaja khatam al-Quran, malah beliau juga menyarankan agar BA dijadikan sebagai subjek wajib di samping asas-asas fardu ain dan jawi yang perlu diperkukuhkan bermula dari sekolah rendah.

Kini setelah 56 tahun kita mencapai kemerdekaan, proses P&P BA masih terus meniti fasa- fasa perubahan dan penambahbaikan bagi satu matlamat dan tujuan iaitu untuk meningkatkan pemahaman dan penguasaan BA dalam kalangan pelajar. Kesedaran tentang betapa pentingnya BA telah wujud sejak dahulu lagi hinggalah ke hari ini. Buktinya kita telah melihat banyak pembaharuan yang dilakukan oleh pihak yang berwajib terutamanya dari segi silibus, buku teks yang digunakan, kemudahan alat bantu mengajar malah kaedah pengajaran juga sering berubah mengikut peredaran semasa sesuai dengan perkembangan teknologi pada masa kini.

Selaras dengan kemajuan dan kerancangan arus kemodenan, proses pengajaran dan pembelajaran BA telah mengalami beberapa evolusi. Bermula dengan teknik pengajaran secara tradisional, pendekatannya telah berubah kepada teknik pengajaran dan pembelajaran secara moden dan terkini. Dahulu pembelajaran BA lebih menekankan aspek nahu, namun kini komunikasi lebih diutamakan. Para ilmunan BA berpendapat melalui proses komunikasi, secara tidak langsung kemahiran nahu dapat dipelajari dan difahami.

Kepentingan mempelajari dan memahami BA ini dapat dilihat dari pelbagai aspek kehidupan seperti sosial dan pendidikan. Dalam aspek sosial misalnya, BA diperlukan

untuk jaringan komunikasi sebagai bahasa agama dan perpaduan. Manakala dari aspek pendidikan ia telah menjadi sebahagian daripada subjek yang perlu dipelajari, malah ia juga telah dijadikan sebagai medium perantaraan dalam berkomunikasi di beberapa pusat pengajian tinggi.

Akhir- akhir ini, pelbagai pihak telah mula memberikan perhatian dan fokus yang serius terhadap BA kerana ia telah diakui sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan asas kepada tamadun Islam. Ia mempunyai kedudukan yang amat penting bagi umat Islam. Hakikat ini diakui oleh Penasihat Kerajaan bagi Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan, Tan Sri Dr Rais Yatim yang dipetik daripada Sinar Harian dengan katanya masyarakat Islam di negara ini disarankan menguasai BA dengan baik kerana bahasa itu berpotensi untuk dijadikan lingua franca bagi menyatukan negara- negara Islam di dunia.

## **2.2 Jenis- Jenis Kaedah Pengajaran Bahasa Arab**

Terdapat banyak kaedah pengajaran bahasa yang digunakan dalam pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Di dalam pengajaran BA, antara kaedah umum yang agak terkenal ialah kaedah nahu- terjemahan, kaedah langsung, kaedah audio- lingual dan kaedah komunikasi.

### **2.2.1 Kaedah Nahu- Terjemahan**

Kaedah nahu- terjemahan atau juga disebut sebagai kaedah tradisional menumpukan pengajaran tatabahasa bahasa kedua atau bahasa asing. Secara umumnya, kaedah ini menggunakan teknik terjemahan bahasa sasaran ke bahasa ibunda pelajar. Kaedah ini meletakkan nahu sebagai pelajaran yang penting untuk memberikan beberapa kemahiran kepada pelajar.

Maimun (2003) telah menyenaraikan lima ciri utama pendekatan tradisional yang digunakan oleh sebilangan besar guru BA semasa mengajar bahasa tersebut :

- i. Kefahaman melalui bacaan. Petikan karangan diambil dari buku teks murid-murid dan pengajaran lebih mengutamakan tatabahasa.
- ii. Guru menyampaikan pengajaran kepada seluruh kelas secara satu hala dan murid- murid mendengar secara pasif.
- iii. Latih tubi secara mekanikal diadakan sekadarnya sahaja.
- iv. Murid-murid menyalin nota yang diberikan oleh guru.
- v. Gerak kerja bertulis diadakan dalam bilik darjah dan biasanya tiada tugas yang dibekalkan untuk dibuat di rumah.

Kaedah ini membantu pelajar memahami tatabahasa dan kosa kata BA dengan lebih efektif melalui terjemahan yang digunakan oleh guru. Walaubagaimanapun, fokus pembelajaran pelajar agak terhad dan tidak pelbagai memandangkan mereka hanya perlu merujuk kepada buku teks yang disediakan guru sahaja.

Menurut pandangan Mohd Puzhi Usop (2001) kaedah Nahu dan Terjemahan adalah sesuai untuk pelajar peringkat asas. Selain daripada dapat menguasai tatabahasa BA, pelajar juga dapat memperkayakan perbendaharaan kata menerusi penterjemahan. Walaubagaimanapun, kaedah ini tidak boleh digunakan dalam pengajaran kemahiran-kemahiran asas BA seperti kemahiran bertutur, kemahiran mendengar, kemahiran fonologi, kemahiran membaca dan kemahiran menulis kerana pendekatan yang digunakan adalah berbeza antara satu sama lain.

### **2.2.2 Kaedah Langsung**

Kaedah langsung ialah kaedah yang menggunakan bahasa sasaran secara sepenuhnya semasa proses P & P. Teknik terjemahan ke dalam bahasa ibunda tidak digunakan langsung. Dalam pengajaran BA, guru menggunakan bahasa tersebut dan dibantu dengan bahan- bahan pengajaran untuk memudahkan pengajaran. Kaedah ini digunakan bagi pelajar pada tahap permulaan dan juga pelajar yang telah melepasi tahap permulaan (Maimun : 2003).

Ia menekankan aspek-aspek lisan, iaitu mementingkan pertuturan dan latihan sehingga menjadi kebiasaan dengan cara yang paling neutral, teratur dan berperingkat-peringkat iaitu berdasarkan cara seseorang bayi mempelajari bahasa ibundanya. Oleh itu, ia sesuai untuk peringkat permulaan pengajaran bahasa.

Oleh sebab bahasa lain tidak digunakan, pengajaran perkataan dijalankan dengan menggunakan benda-benda maujud seperti melalui gambar, lukisan, aksi dan sebagainya atau melalui antonim dan sinonim bagi menerangkan perkataan yang abstrak atau tidak konkrit. Seterusnya pelajar cuba mengikut dan menghafalnya. Dalam kaedah, ini latih tubi menjadi cara yang terpenting. Pendekatan ini juga selalunya disertai dengan lakonan yang dilakukan oleh guru ataupun beberapa aktiviti lain. Kemudian guru menyuruh pelajar mengikut apa yang telah dilakukan.

Salah Abd. Majid Al-‘Arabiy (t.t) menjelaskan kaedah ini dianggap sebagai kaedah semulajadi dalam mempelajari bahasa asing kerana ia menyerupai teknik-teknik mempelajari bahasa ibunda.

Ini bermakna nahu tidak diajar secara formal sebaliknya diserapkan ke dalam bahan mengajar. Tatabahasa diajar secara induktif, pola-pola ayat yang hendak diajar dilatih tubi dahulu sehingga pelajar- pelajar dapat menguasainya. Undang-undang tatabahasa hanya diajar selepas penguasaan struktur ayat. Bahan- bahan bacaan yang digunakan merupakan bahan-bahan yang ada kaitan dengann latihan lisan yang dibuat.

### **2.2.3 Kaedah Audio-Lingual**

Kaedah ini merupakan gabungan dua kemahiran iaitu kemahiran mendengar (audio) dan kemahiran bertutur (lingual). Rusydi Ahmad Taimah (1989) menjelaskan bahawa berdasarkan kaedah ini kemahiran asas yang paling penting dipelajari oleh pelajar ialah kemahiran mendengar, diikuti dengan kemahiran bertutur. Penguasaan sesuatu bahasa bermula dengan kemahiran mendengar dan bertutur, kemudiannya barulah disusuli dengan kemahiran membaca dan menulis.

Kaedah ini mementingkan penggunaan bahan bantu mengajar berupa alat- alat audio seperti radio, pita rakaman, compact disk (audio) dan piring hitam. Ia bergantung kepada perbualan (hiwar) untuk menguasai kemahiran mendengar dan bertutur menerusi asas-asas susunan perkataan (*tarkib*) dan perbendaharaan kata ( *mufradat* ) yang baru pada setiap pembelajaran.

Melalui kaedah ini, guru memfokuskan kepada pelbagai latihan dengan tujuan untuk membiasakan pelajar dengan bahasa yang dipelajari. Hal ini boleh dilakukan melalui hafalan perbualan dan latih tubi untuk mengurangkan berlakunya kesalahan dan menjauhi penggunaan bahasa ibunda.

Mengikut kaedah ini ‘*mufradat*’ perlu dipelajari dalam konteks bahasa dan budaya. Oleh itu, kaedah ini mengutamakan bidang kebudayaan dan kemasyarakatan dalam sistem pendidikan bahasa asing. Pengajaran sintaksis yang diajar menerusi teknik ini berdasarkan ungkapan- ungkapan yang terdapat semasa perbualan.

Untuk merealisasikan kaedah ini, pelbagai faktor perlu diambil kira seperti menyediakan alat bantu mengajar yang moden dan lengkap. Namun kekurangan kemudahan seperti alat perakam dan kaset, video, makmal bahasa dan lain- lain di sekolah- sekolah dan di institusi pengajian tinggi tidak membantu ke arah pelaksanaan kaedah ini.

Sebagai kesimpulannya, kaedah audio-lingual belum lagi dapat dilaksanakan secara menyeluruh di sekolah- sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi dalam pengajaran bahasa sebagai bahasa kedua. Asmah Haji Omar (1989) menyatakan bahawa kaedah pandang- dengar (*audio-visual method*) yang menggunakan alat yang sama dengan kaedah sebut- dengar (*audio-lingual method*) sehingga sekarang belum lagi meluas penggunaannya di sekolah, barangkali disebabkan faktor kewangan.

#### **2.2.4 Kaedah Komunikasi**

Kaedah ini didefinisikan sebagai satu proses amali yang mana ia dilaksanakan dengan cara pemindahan maklumat daripada individu kepada individu yang lain sehinggalah mencapai tahap kefahaman komunikasi yang baik antara mereka.

Menurut Asmah Haji Omar (1989) komunikasi ialah hubungan yang diwujudkan antara manusia melalui media bahasa dan juga media lain. Dalam komunikasi melalui bahasa, orang berkomunikasi dalam perbualan dan juga melalui bahasa bertulis.

Penguasaan untuk tujuan berkomunikasi adalah merupakan penguasaan yang paling tinggi.

Mohd Puzhi (2001) menjelaskan proses komunikasi memerlukan empat unsur penting seperti berikut iaitu bermula dengan '*sender*' (pemberi maklumat), kemudiannya '*receiver*' (penerima maklumat), seterusnya '*message*' (topik atau tajuk perbualan) dan akhir sekali '*channel*' (saluran pemindahan maklumat).

Kaedah ini berlaku berdasarkan pendekatan proses interaksi dua hala antara seorang individu dengan individu yang lain ataupun secara berkumpulan bagi membincangkan sesuatu topik tertentu. Kaedah ini memberi penekanan kepada latihan bertutur secara beramai-ramai, berkumpulan dan secara individu berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan oleh guru. Kemudian isi kandungan perbualan itu dibincang dengan teknik bersoal jawab. Di samping itu, guru juga bertanggungjawab menerangkan aspek sintaksis kepada pelajar supaya mereka dapat berkomunikasi dengan baik dan penggunaan nahu yang betul.

Menerusi kaedah ini, para pelajar didedahkan dengan teks- teks berbentuk cerita ataupun perbualan yang biasanya diperolehi daripada media massa, majalah- majalah ataupun suratkhbar. Lazimnya tajuk- tajuk yang dipilih berkait rapat dengan nilai-nilai masyarakat, kebudayaan dan persekitaran pelajar. Dalam masa yang sama guru berperanan membimbing pelajar tentang penggunaan ungkapan- ungkapan asas frasa-frasa komunikasi yang terdapat dalam perbualan dengan memperlihatkan contoh-contoh frasa tersebut kepada pelajar dalam konteks penggunaannya yang tepat. Kadang- kadang guru menggunakan teknik terjemahan bagi memahamkan pelajar sekiranya dirasakan perlu.

Kebaikan kaedah ini ialah pelajar dapat mempraktikkan bahasa asing dalam bentuk pertuturan dengan menggunakan frasa- frasa yang dipelajari, namun penulis berpendapat penggunaan bahasa masih agak terhad dan tidak menyeluruh kerana mereka masih terikat dengan bahan pembelajaran yang disediakan.

Mohd Puzhi (2001) menegaskan perkara ini dengan menyatakan bahawa melalui kaedah ini pelajar tidak didedahkan dengan keempat- empat kemahiran bahasa yang sepatutnya dipelajari dan akan menyebabkan tujuan utama mempelajari bahasa tersasar kerana penekanan tidak mengikut kronologi pengajaran bahasa.

Menurut Maimun (2003), kaedah yang paling sesuai ialah kaedah bersepadu (*al wihdah*), kerana ia menggabungkan kemahiran-kemahiran dan pengetahuan bahasa tanpa tertumpu kepada kemahiran tertentu pada satu- satu masa. Bagi peringkat permulaan, susunan yang terbaik ialah dengan mengambil sebuah teks dengan tajuk tertentu, dan menggabungkan seluruh kemahiran dalam satu unit. Ini dapat menambahkan aktiviti dan latihan bersama guru dan sesama murid.

Mohd Puzhi (2001) pula berpendapat bahawa kaedah- kaedah yang mungkin efektif untuk peringkat asas dalam mempelajari BA ialah kombinasi antara kaedah Nahu Terjemahan dan kaedah Komunikasi. Bagi peringkat pertengahan dan lanjutan pula, penulis ini berpendapat kombinasi antara kaedah Terus dan kaedah Audio- lingual mungkin lebih sesuai digunakan. Pelajaran sintaksis pula boleh disampaikan kepada pelajar menerusi kaedah induktif atau deduktif.

Jaudat al- Rukabi (1986) telah menggariskan beberapa ciri kaedah pengajaran yang berjaya iaitu kaedah yang mampu mencapai matlamat dalam masa yang singkat dan



mudah, berupaya menarik perhatian pelajar, menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif dan mengajak mereka berfikir serta membuat keputusan. Kaedah yang digunakan mestilah pelbagai mengikut kehendak pelajar dan keadaan semasa. Ini kerana penggunaan satu kaedah sahaja dalam semua keadaan dan masa boleh menyebabkan pelajar mudah jemu dan bosan.

Berdasarkan kepada pandangan beberapa orang pakar tentang kaedah- kaedah pengajaran BA samada yang bersifat tradisional mahupun yang moden, penulis merumuskan bahawa sehingga ke hari ini, tidak ada satu kaedah pun yang dapat menjamin keberkesanan pembelajaran BA terutamanya kepada penutur Melayu di negara kita. Setiap satu kaedah masing- masing mempunyai kelebihan dan kekurangannya. Namun yang demikian, adalah menjadi kewajipan kita sebagai pengajar BA untuk memilih dan memikirkan kaedah yang paling sesuai untuk digunakan bagi memperoleh impak yang paling maksima dalam melahirkan pelajar yang faham BA serta dapat mempraktikkan bahasa ini dalam ruang lingkup kehidupan mereka.

Secara umumnya, semua pakar bahasa bersetuju bahawa kaedah pengajaran yang paling berkesan ialah kaedah yang dapat mencapai matlamat yang dikehendaki. Beberapa faktor perlu diambil kira untuk mencapai matlamat tersebut, seperti kaedah pengajaran, objektif dan tujuan, sukatan pelajaran, penilaian pengajaran, masa, situasi dan tempat belajar, minat dan juga kebolehan pelajar. Menurut Rushdi Ta'imah (1985) objektif am pengajaran bahasa ialah supaya pelajar- pelajar dapat menguasai beberapa kemahiran bahasa. Beliau membahagikan kemahiran bahasa kepada empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Tugas utama seorang pengajar adalah memudahkan pembelajaran para pelajar untuk menerima ilmu yang disampaikan. Untuk memenuhi tugas ini, pengajar bukan sahaja perlu menyediakan suasana pembelajaran yang menarik dan harmonis, tetapi mereka juga harus mencipta pengajaran yang berkesan. Ini bermakna guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang boleh merangsangkan minat pelajar di samping sentiasa memikirkan kebajikan dan keperluan pelajar.

Dalam sesi pembelajaran, guru kerap berhadapan dengan pelajar yang berbeza dari segi kebolehan mereka. Hal ini memerlukan kepakaran guru dalam menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna, guru boleh menentukan pendekatan, memilih kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar. Strategi yang dipilih itu, selain berpotensi merangsangkan pelajar belajar secara aktif, ia juga harus mampu membantu menganalisis konsep atau idea dan berupaya menarik perhatian pelajar serta dapat menghasilkan pembelajaran yang bermakna.

Penulis berpendapat, guru perlu memainkan peranan penting dalam proses P&P bahasa asing. Mereka perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang luas tentang kaedah dan teknik- teknik pengajaran yang sesuai serta mempunyai pengetahuan tentang psikologi pembelajaran. Perkara ini amat berguna untuk menarik minat dan fokus para pelajar semasa proses P&P berlangsung supaya ilmu yang hendak disalurkan lebih praktikal dan berkesan.

### **2.3 Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Di Pusat Asasi UIAM**

Kursus BA di Pusat Asasi UIAM diletakkan di bawah Jabatan Bahasa al- Quran dalam seliaan Pusat Bahasa Dan Pembangunan Pra- Universiti Pembangunan Akademik

(*Centre for Languages and Pre- University Academic Development (CELPAD)*) di kampus induk UIAM, Gombak. Di samping kursus BA, pusat ini juga menyediakan kursus bahasa Inggeris (BI), Bahasa Melayu (BM) dan juga tilawah al- Quran kepada para pelajar yang mendaftar di universiti ini. Kursus BA ini telah dijadikan sebagai kursus teras yang wajib diambil dan lulus oleh semua pelajar termasuk pelajar tempatan dan luar negara.

Para pelajar dikehendaki mengambil kursus BA berdasarkan keputusan Ujian Kelayakan Bahasa Arab yang disebut dalam BI sebagai *Arabic Placement Test (APT)* yang dijalankan pada minggu pertama pendaftaran pelajar di UIAM. Setelah keputusan ujian dikenalpasti, mereka akan ditempatkan mengikut tahap BA masing- masing. Kursus yang ditawarkan ini akan memperkenalkan kepada pelajar tentang fonologi, sintaksis dan morfologi BA serta pendedahan dengan struktur-stuktur perkataan, ayat dan gaya Bahasa BA. Selain daripada itu, pelajar juga akan diajar dengan 4 kemahiran bahasa yang utama iaitu kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis (Student Handbook, 2011: 35)

Antara objektif utama kursus BA ini adalah (Mohd Puzhi: 2001) :-

- a) Membantu para pelajar yang mengambil jurusan selain Ilmu Wahyu dan BA mempelajari bahasa ini dengan tujuan sekurang- kurangnya mereka dapat memahami al-Quran dan Hadis.
- b) Membolehkan para pelajar yang mengambil jurusan Ilmu Wahyu dan BA mendapatkan kemahiran memahami kuliah BA, menyalin nota- nota daripada kuliah BA, menulis jawapan peperiksaan dalam BA, berkeupayaan untuk mengkaji bahan- bahan rujukan BA serta mampu berkomunikasi dengan tenaga pengajar samada dari dalam mahupun luar negara dengan fasih dan boleh difahami.

Walaupun, bagi pelajar yang tidak menjurus dalam bidang agama dan BA cukup sekadar dapat memahami beberapa ayat al- Quran, hadis serta bacaan dalam solat. Manakala bagi pelajar yang memang terdiri daripada aliran agama seperti Ilmu Wahyu dan BA adalah menjadi kewajipan untuk menguasai BA dengan baik kerana medium bahasa yang digunakan di kelas- kelas majoritinya dalam BA, di samping bahan- bahan pembelajaran, nota- nota serta buku- buku rujukan kebanyakannya dalam BA. Kelebihan berkomunikasi dalam BA dengan fasih pula merupakan bonus bagi pelajar- pelajar tersebut bagi tujuan memudahkan proses interaksi dengan pensyarah luar khususnya dari negara- negara Arab dengan lebih efisien.

Kursus-kursus BA yang ditawarkan di pusat ini menggunakan kod **LQM** seperti yang tertera di bawah :

- a) LQM 0108 *Elementary Quranic Language I*
- b) LQM 0208 *Elementary Quranic Language II*
- c) LQM 0430 *Intermediate Quranic Language*
- d) LQM 0516 *Advance Quranic Language*
- e) LQM 0616 *Quranic Language Skills*

Hasil kajian yang telah dijalankan oleh Hj Maimun Aqsha Lubis (1991), mendapati bahawa teknik pengajaran BA yang dipraktikkan oleh kebanyakan pensyarah di Pusat Asasi UIAM lebih menjurus kepada kaedah *taqlidiyah* (kaedah lama) iaitu nahu terjemahan dengan kaedah *al-Sam'iyat al-Syafawiyah* (kaedah dengar – tutur).

Mengikut Maimun Aqsha (1991), kelemahan penguasaan kefahaman bacaan dalam BA di Pusat Asasi UIAM disebabkan kaedah pengajaran *al-Sam'iyat al-Shafawiyah* yang

tidak mengajar qawaid BA secara teori nahu, sementara kelemahan penguasaan kemahiran bertutur berpunca daripada kaedah pengajaran *taqlidiyah* yang kurang memahirkan aktiviti bertutur dalam pengajaran BA.

Kaedah *Taqlidiyyah* ini pada asalnya digunakan dalam pengajaran BA bertujuan untuk memahami kitab al- Quran, kitab Hadis dan kitab- kitab agama yang asas seperti Tauhid, Fekah, Tafsir, dan lain-lain. Kaedah ini pernah diterapkan di sekolah- sekolah agama peringkat rendah dan juga di peringkat menengah di Malaysia hingga sekarang. Kaedah ini juga telah dilaksanakan di peringkat universiti. Mohd Ali (1988) menjelaskan walaupun murid- murid telah sampai ke peringkat sekolah menengah, namun kaedah pengajaran dan pembelajaran (BA) mereka belum berubah, mereka masih berpegang kepada 'kaedah lama' (kaedah *Taqlidiyah*) seperti yang diterapkan di peringkat sekolah rendah. Para guru belum mencuba untuk mengajar murid- murid dengan kaedah langsung yang tidak menggunakan penterjemahan kepada bahasa ibunda. Hal yang demikian mengakibatkan murid-murid yang telah menamatkan pengajian mereka di peringkat ini masih belum mampu bercakap dengan baik dalam BA.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kaedah *Taqlidiyah* berkesan bagi kemahiran kefahaman bacaan dan kemahiran menulis di peringkat permulaan dan peringkat pertengahan. Manakala Kaedah *al-Sam'iyat al-Shafawiyah* didapati berkesan bagi kemahiran kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur pada kedua-dua peringkat; permulaan dan pertengahan.

Menurut pengalaman penulis, terdapat juga sesetengah pensyarah yang menggunakan gabungan kedua- dua kaedah tersebut bagi memaksimakan kemahiran pelajar dalam

keempat- empat kemahiran bahasa yang perlu mereka kuasai. Namun hasil yang diperolehi tidaklah seperti yang diharapkan, memandangkan pencapaian para pelajar dalam bahasa ini masih lemah dan kurang memuaskan.

Seiring dengan perkembangan teknologi dan multimedia yang begitu rancak masa kini, terdapat juga beberapa tenaga pengajar yang mengambil manfaat dengan mempraktikkan penggunaan komputer dalam proses pengajaran mereka, memperkenalkan laman- laman web arab yang boleh digunakan oleh para pelajar serta menggalakkan interaksi dua hala melalui laman web yang bersesuaian khususnya dalam komunikasi BA. Namun, tidak ramai pengajar yang menggunakan kemudahan ini dalam menyampaikan ilmu BA dengan lebih berkesan disebabkan beberapa faktor seperti kurangnya kemudahan dan pendedahan serta kepakaran dalam mengendalikan komputer. Masalah ini diakui oleh Ashinida Aladdin, Afendi Hamat Mohd dan Shabri Yusof (2004) dalam kajian mereka yang mendapati antara sebab yang menghalang penggunaan komputer dalam pembelajaran BA ialah kurangnya prasarana dan tiada kebolehan ataupun pendedahan yang mencukupi tentang pengendalian komputer.

Hasilnya, para pelajar mudah berasa bosan dengan kaedah pengajaran yang sama, walaupun bahan pengajaran seringkali bertukar terutamanya buku teks yang disediakan telah diubahsuai mengikut kesesuaian masa dan kursus para pelajar. Namun, para pelajar masih lagi mengalami masalah dalam memahami dan menguasai BA dalam pembelajaran mereka.

Justeru itu, pihak yang berkenaan telah mengambil langkah drastik bagi mengubah fenomena pengajaran BA di pusat ini dengan memperkenalkan KPBBT iaitu kaedah

yang agak popular dalam mempelajari bahasa asing lain khususnya BI untuk dilaksanakan dalam sistem pengajaran BA di sini.

#### **2.4 Latar Belakang Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas (KPBBT)**

Dalam era inovasi dan lambakan teknologi masa kini, kaedah pengajaran bahasa kedua turut mengalami revolusi dan pembaharuan bagi memantapkan pengajaran bahasa asing di kalangan bukan penutur. Pelbagai kaedah pengajaran bahasa yang terkini telah dihasilkan untuk membantu para pelajar, antaranya yang terkini ialah ‘Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas’ (KPBBT).

Era zaman 70 an dan 80 an telah menyaksikan bermulanya perubahan- perubahan dalam bidang pengajaran bahasa samada dalam aspek teori mahupun amali. Secara praktikalnya, kaedah komunikasi telah mendominasi kaedah pengajaran bahasa pada ketika itu. Perkembangannya diiringi selaras dengan lahirnya banyak bahan pengajaran, penulisan dan kajian yang berkaitan dengan kaedah tersebut.

Namun akibat daripada kekurangan dan kekangan yang wujud dalam kaedah komunikasi telah mengubah kaedah pengajaran yang sedia ada kepada kaedah baru iaitu KPBBT. Era pertengahan 80 an telah menyaksikan perkembangan yang cukup hebat terhadap kaedah ini.

Sanchez (2004) menyatakan bahawa kaedah ini muncul hasil daripada projek Bangalore ‘*Bangalore Project*’ yang dipelopori oleh Prabhu pada tahun 1979 dan telah disempurnakan pada tahun 1984. Beliau telah menggunakan pendekatan ini dalam projeknya iaitu “projek pengajaran komunikasi’ di dalam kelas yang melibatkan

pelajar- pelajar sekolah menengah. Untuk melaksanakan projek tersebut, dia telah menggunakan istilah ‘tugasan’ bagi mewakili jenis aktiviti tertentu dalam kelas yang menumpukan lebih kepada aspek makna berbanding kandungan sesuatu bahan pengajaran. Dia berpendapat bahawa perkembangan berbahasa memerlukan kepada persekitaran di mana para pelajar saling berinteraksi tanpa menyekat peluang mereka untuk mempraktikkan sesuatu bahasa.

Prabhu menegaskan kenyataannya dengan menjelaskan bahawa guru perlulah memastikan proses interaksi yang berlaku boleh mendorong pelajar untuk memahami makna melalui aktiviti- aktiviti yang dilakukan. Dalam masa yang sama ia membantu pelajar menguasai aspek tatabahasa secara tidak langsung. Manakala tanggungjawab guru yang asasi ialah menyediakan persekitaran yang membenarkan para pelajar mempraktikkan bahasa dalam konteks pemahaman makna sebenar.

Branden (2006) pula menyatakan bahawa pemahaman tentang ‘tugasan’ telah wujud dan mula diberi perhatian oleh para pengkaji pemerolehan bahasa kedua dan para guru bahasa sejak akhir kurun ke 20. Kebangkitan ini adalah natijah daripada penolakan mereka terhadap kaedah pengajaran bahasa berpusatkan guru semata- mata. Bertitik tolak dari sini, KPBBT mula mendapat tempat di kalangan para pengkaji bahasa kedua, pembuat dasar- dasar pendidikan, institusi- institusi persediaan guru dan guru- guru bahasa di seluruh dunia.

Kaedah ini sebenarnya memberi peluang kepada pelajar melakukan tugas mengikut kemampuan dan tahap mereka sendiri samada di dalam ataupun luar kelas dengan bebas mengikut arahan dan silibus pembelajaran yang diberikan oleh guru tanpa terikat dengan penggunaan buku teks.



Memandangkan kaedah ini agak baru, ia masih lagi membuka ruang kepada pakar-pakar pengkaji bahasa bagi mewujudkan medan perbincangan terhadap proses perlaksanaannya terutamanya 'tugasan' yang sesuai untuk dipraktikkan oleh para pelajar. Di samping itu, mereka juga melontarkan idea-idea bernas yang bertujuan untuk memantapkan lagi kaedah tersebut melalui pengalaman mahupun pengetahuan terutamanya dalam konteks pembelajaran bahasa pada masa kini.

Sehubungan dengan itu, kurun ke 21, telah menyaksikan kemunculan banyak penulisan, kajian dan buku-buku yang ditulis oleh para pengkaji bahasa seperti Bygate, Nunan, Lee, Ellis dan lain-lain lagi dalam bidang P&P bahasa yang berasaskan tugas serta memberikan garis panduan tentang pelaksanaannya bagi tujuan menyuburkan pembelajaran bahasa di kalangan pelajar. Seiring dengan usaha tersebut, ia telah membuka jalan dan ruang kepada para pengkaji bahasa khususnya untuk membuat kajian tentang bidang ini dan mereka telah pun menemui beberapa kesimpulan dan penemuan-penemuan positif terhadap pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua.

## **2.5 Kriteria Tugas**

Skehan (1998) dalam Abdullah Muslim al-Hasyimi (2011) merumuskan terdapat 5 kriteria tugas seperti berikut:

- 1- Makna merupakan asas.
- 2- Pelajar perlu memahami dan menterjemahkan semula makna sesuatu tugas.
- 3- Mempunyai hubungan dengan situasi kehidupan sebenar dalam penggunaan bahasa.
- 4- Perlu mencapai kepada suatu natijah (*outcome*).
- 5- Dinilai berdasarkan natijah (*outcome*) yang diperolehi.

## 2.6 Asas- Asas Utama Tugas

Menurut Ellis (2003) dalam Abdullah Muslim al- Hasyimi (2011) terdapat 6 asas utama tugas yang dirumuskan seperti berikut:

1- Tujuan/ objektif/ matlamat : Antara matlamat daripada tugas yang diberikan ialah kemampuan pelajar menyifatkan sesuatu dengan teliti. Tugas ini menjadikan pelajar lebih fokus kepada makna.

2- Arahan : Maklumat berbentuk lisan ataupun bertulis yang terkandung dalam tugas seperti gambar, peta atau teks bertulis dan lain- lain.

3- Syarat- syarat : cara penyampaian maklumat: maklumat berlainan dibahagikan kepada para pelajar ataupun maklumat yang sama dikongsi oleh semua pelajar, cara pelaksanaannya dalam bentuk yang sama ataupun berbeza.

4- Pelaksanaan: pelaksanaan yang sistematik yang perlu dipatuhi semasa melakukan tugas samada dengan cara berpasangan ataupun berkumpul, tempoh pelaksanaan tugas samada ditetapkan ataupun bebas.

5- Hasil : natijah pelaksanaan tugas: contohnya melengkapkan jadual, menyenaraikan perbezaan di antara 2 gambar, bercerita dan lain- lain. Natijah yang terhasil samada berbentuk bebas ataupun menuju kepada satu sahaja natijah yang betul dan tepat. Tujuan utama tugas bukanlah setakat sampai kepada natijah semata- mata bahkan ianya merupakan proses penggunaan bahasa bagi menyuburkan proses pembelajaran bahasa. Apa yang penting ialah proses berfikir dan bahasa yang digunakan untuk sampai kepada natijah sesuatu tugas. Oleh itu, proses pelaksanaan

tugas perlu melihat kepada kemampuan pelajar dalam menzahirkan jenis penggunaan bahasa yang membantunya mengembangkan proses pembelajaran bahasa

6- Proses : kombinasi antara proses berfikir dan berbahasa adalah diperlukan ketika menyiapkan tugas seperti proses memilih dan memberi komentar, membuat senarai, menyusun maklumat dan menukarnya daripada suatu bentuk kepada bentuk yang lain.

## **2.7 Jenis- Jenis Tugas**

Oxford (2006) telah menggariskan beberapa jenis tugas yang perlu diberi perhatian dalam proses komunikasi iaitu menyelesaikan masalah, membuat keputusan, bertukar-tukar pendapat, menyempurnakan maklumat, berdasarkan pemahaman, berkongsi pengalaman peribadi, moral dan emosi, aktiviti minda yang mudah seperti membuat perbandingan, suaikan, membuat senarai mengikut tertib dan kategori, analisa bahasa, bercerita, memberi komentar, soal dan jawab, dialog, lakonan, simulasi, cerita bergambar, permainan bahasa, diskusi dan debat, perbualan harian seperti perbualan melalui telefon, perkhidmatan kaunter, strategi komunikasi, strategi pembelajaran dan strategi memahami teks.

Penulis berpendapat bagi memperoleh hasil (*outcome*) yang berkesan, pelajar perlu memahami dan menguasai 4 kemahiran utama berbahasa seperti kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Walaubagaimanapun mereka boleh memperbaiki kekurangan dalam mana- mana kemahiran tersebut melalui latihan dalam menyiapkan aktiviti tugas yang diberikan. Peranan rakan sebaya juga penting dalam membantu pelajar melakukan tugas dengan baik melalui sesi perbincangan

dan diskusi semasa menyiapkan tugas. Guru juga perlu memastikan bahawa jenis tugas yang diberikan sesuai dengan tahap dan latar belakang pelajar dalam mempelajari bahasa kedua.

## **2.8 Fasa- Fasa Tugas**

(Nunan's (2004), Ellis (2003), Harmer (2002), Skehan (1996) dan Prabhu (1987)) dalam Noor Abdullah Fattash (2013) secara umumnya bersetuju bahawa terdapat 3 fasa tugas. Fasa pertama ialah pra tugas iaitu beberapa aktiviti yang dirancang oleh guru dan pelajar sebelum mereka memulakan tugas samada secara bebas ataupun diberikan masa untuk membuat perancangan bagi menyelesaikan tugas tertentu.

Abdullah Muslim al- Hasyimi (2011) dalam kajiannya menjelaskan bahawa fasa ini bertujuan untuk membuka minda pelajar serta memberikan gambaran awal terhadap tugas dengan cara memberi semangat kepada mereka dan membantu mereka memperoleh bahasa. Oleh kerana tugas ini bergantung kepada pelajar, guru hendaklah memastikan mereka mengetahui dengan baik tentang cara melaksanakan tugas. Guru boleh berperanan memberi penjelasan tentang sesuatu tugas dan objektif yang ingin dicapai serta contoh yang menjurus kepada tugas tersebut.

Fasa kedua pula iaitu pelaksanaan tugas. Dalam fasa ini, pelajar perlu fokus kepada tugas tetapi masih terikat dengan arahan guru termasuk perlu menyelesaikan tugas dalam masa yang telah ditentukan.

Abdullah Muslim al- Hasyimi (2011) menambah dengan katanya dalam fasa kedua ini tugas boleh dilakukan secara berpasangan ataupun berkumpulan dengan

menekankan fokus utama kepada makna dan berusaha untuk menyiapkan tugas bagi mendapatkan natijah (*outcome*) yang dikehendaki oleh guru. Pelajar dinasihati mengambil peluang ini untuk berbincang sesama mereka dengan menggunakan bahasa sasaran. Tidak perlu membetulkan kesalahan bahasa semasa proses perbincangan melainkan dengan arahan guru. Dalam fasa ini pelajar berpeluang menggunakan bahasa bagi proses menyiapkan tugas dan juga semasa membentangkan hasil (*outcome*) tugas kepada guru.

Manakala fasa ketiga iaitu pasca tugas di mana guru terlibat dalam menganalisa tugas yang dihasilkan oleh pelajar. Mengikut pandangan Abdullah Muslim al-Hasyimi (2011), terdapat 3 perkara dalam fasa ini iaitu pertama: membuka peluang kepada pelajar untuk melakukan kembali tugas mereka dengan harapan bahawa melalui peluang kedua ini mereka dapat menghasilkan natijah (*outcome*) yang lebih baik di samping memperelokkan penggunaan dan tahap penguasaan bahasa mereka. Kedua: membentangkan laporan tentang tugas termasuk natijah (*outcome*) yang diperolehi, bagaimana proses menyiapkan tugas, masalah yang dihadapi dan cara mengatasinya serta sejauhmana mereka mengambil faedah daripada kemahiran bahasa. Ketiga: fokus kepada bahasa. Penggunaan bahasa semasa menyiapkan tugas adalah amat penting bagi menghasilkan kemampuan berbahasa dengan fasih. Walaupun pelajar menggunakan bahasa secara spontan dalam interaksi sesama mereka, tetapi pada peringkat ini mereka perlu fokus kepada bentuk luaran bahasa secara serius. Guru perlu menarik perhatian pelajar kepada kesilapan bahasa yang berlaku dalam aspek pembinaan frasa, ayat dan sebagainya dengan cara menganalisa natijah yang dibentangkan. Guru boleh memberikan pelbagai aktiviti sebagai latihan.

(Richard dan Roger )(2001) dalam Noor Abdullah Fattash (2013) mencadangkan supaya aktiviti- aktiviti tugas yang dirancang boleh dilihat melalui pelaksanaan proses pengajaran bahasa berasaskan tugas seperti berikut:

### **2.8.1 Fasa pra tugas:**

- a. Pengenalan kepada tajuk dan tugas
- b. Guru membantu pelajar memahami tema tugas melalui idea- idea pemulihan dengan menggunakan gambar- gambar, mimos ataupun pengalaman peribadi yang bertujuan memperkenalkan tajuk.
- c. Pelajar boleh melakukan aktiviti pra tugas, seperti membentangkan pengetahuan tentang fungsi baru bahasa.
- d. Guru boleh memberikan perkataan dan frasa yang berguna tentang sesuatu tajuk.
- e. Pelajar boleh diberikan masa untuk berfikir bagaimana melakukan tugas tersebut.
- f. Pelajar boleh dipertontonkan dengan contoh tugas lain yang hampir sama.
- g. Sekiranya tugas berkait dengan teks, pelajar boleh membaca sebahagian daripadanya.

### **2.8.2 Fasa Tugas:**

- a. Tugas dilakukan samada secara berpasangan ataupun dalam kumpulan dengan memberikan peluang kepada mereka menggunakan apa jua bahasa untuk meluahkan perasaan dan menyampaikan apa sahaja yang ingin disampaikan. Ianya boleh berlaku melalui proses pembacaan ataupun mendengar rakaman.
- b. Guru memantau dan mengawasi pelajar serta menggalakkan mereka untuk berkomunikasi menggunakan bahasa sasaran.

- c. Guru membantu pelajar merumuskan apa yang mereka mahu sampaikan tetapi tidak perlu campur tangan dalam membetulkan kesalahan tatabahasa.
- d. Penekanan diberikan kepada penyampaian yang bersahaja (spontan), cara berkomunikasi dan membina keyakinan dalam kumpulan yang kecil.

### **2.8.3 Fasa perancangan:**

- a. merancang persediaan untuk ke fasa yang seterusnya, apabila pelajar perlu menyampaikan hasil tugas mereka kepada kelas, bagaimana mereka menyiapkannya dan apakah hasil daripada tugas tersebut.
- b. Pelajar membuat lakaran awal tentang apa yang hendak disampaikan ataupun ditulis.
- c. Guru memerhati dan memantau setiap kumpulan dengan menasihati mereka tentang bahasa, mencadangkan frasa- frasa dan memperbetulkan kesalahan bahasa mereka.
- d. Jika laporan itu secara bertulis, guru boleh menggalakkan pembetulan daripada rakan sebaya dan penggunaan kamus.
- e. Penekanan diberikan terhadap penyampaian yang jelas, kerjasama berkumpulan dan ketepatan serta sesuai untuk persembahan di hadapan awam.
- f. Pelajar boleh mengambil peluang ini untuk bertanya soalan tentang item bahasa tertentu.

### **2.8.4 Fasa laporan:**

- a. Guru meminta pasangan ataupun kumpulan untuk membentangkan kerja berkumpulan kepada seluruh kelas. Jadi semua pelajar dapat membandingkan hasil tugas dan mula melakukan kajian. Kadang- kadang hanya 1 atau 2

kumpulan sahaja yang dapat membentangkan laporan tugas sepenuhnya, manakala pelajar lain memberikan komen dan menambah beberapa perkara lain.

- b. Guru memberikan komen terhadap tugas pelajar, tetapi tidak membuat pembetulan secara keterlaluan.

Penulis merumuskan fasa- fasa 'tugas' seperti berikut:

Dalam pra tugas, pelajar diberikan beberapa aktiviti pengenalan berkenaan dengan tajuk tertentu. Guru berperanan sebagai fasilitator dengan memberikan bimbingan dan tunjuk ajar tentang tugas yang diberikan kepada pelajar. Dalam peringkat ini, guru boleh memberikan beberapa senarai perkataan ataupun frasa yang berkaitan dengan tema pengajaran dan pembelajaran sebagai bantuan.

Fasa kedua bermula apabila guru meyakini bahawa pelajar telah memahami pra tugas dan objektif pengajaran yang hendak disampaikan. Setelah pelajar berjaya menyiapkan pra tugas yang diberikan, mereka dikehendaki membuat tugas utama berkaitan dengan tajuk serta tema pembelajaran yang difahami dan akhirnya menterjemahkan hasil tugas tersebut samada dalam bentuk persembahan, lakonan, poster dan lain- lain mengikut arahan guru.

Dalam fasa yang terakhir ini ataupun pasca tugas, guru sebagai pembimbing akan menilai hasil tugas yang dilakukan oleh pelajar dengan memberikan komen, penambahbaikan serta pembetulan terhadap tugas yang telah dihasilkan oleh pelajar sesuai mengikut tahap penguasaan bahasa mereka.

Melalui tugas ini, guru dapat menilai tahap pemahaman pelajar terhadap sesuatu tajuk yang dibincangkan serta tahap kebolehan dan pencapaian mereka dalam sesuatu



bahasa. Ini kerana melalui proses ini juga, pelajar dikehendaki menyampaikan tugas mereka dalam bahasa sasaran.

Hasil daripada perbincangan di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa ‘tugas’ yang dimaksudkan dalam kaedah pengajaran bahasa ialah sesuatu aktiviti yang dilakukan oleh pelajar dengan berinteraksi menggunakan bahasa sasaran untuk mencapai sesuatu objektif tertentu serta mengutamakan aspek makna berbanding bentuk luaran dengan bimbingan dan bantuan guru. Abdullah Muslim al- Hasyimi (2011) bagaimanapun tidak menafikan akan kepentingan aspek tatabahasa kerana ia berkait rapat dengan makna yang hendak disampaikan oleh seseorang, sepertimana ia menolong penutur sesuatu bahasa menyampaikan maksud yang ingin disampaikan.

Oleh itu, penulis merasakan kaedah ini lebih praktikal penggunaannya di mana ia melibatkan penyertaan para pelajar dalam aktiviti berkomunikasi secara tidak langsung bagi menyampaikan hasil tugas mereka. Aktiviti komunikatif sangat penting dalam pengajaran bahasa kerana menurut Littlewood (1981) aktiviti ini merupakan latihan bagi keseluruhan tugas (*whole-task practice*), meningkatkan motivasi dalam pembelajaran, mewujudkan pembelajaran semulajadi (*natural learning*) dalam situasi yang dapat menyokong pembelajaran.

Kaedah ini juga melatih minda pelajar aktif berfikir kerana mereka bukan setakat membentangkan hasil tugas di depan kelas, malah pelajar lain yang mendengar turut digalakkan untuk sama- sama menyertai secara aktif samada memberikan pendapat, cadangan ataupun menambah sesuatu isi yang berguna. Oleh itu, penulis merasakan kaedah ini boleh menjadikan proses P&P berjalan dengan lebih berkesan dan menarik kerana ia melibatkan penyertaan aktif secara dua hala antara pelajar dengan pelajar,

dan juga antara pelajar dengan guru, di samping mewujudkan sikap bekerjasama antara ahli kumpulan.

Kebaikan kaedah ini juga diakui oleh ramai pakar bahasa yang merumuskan bahawa antara faedah utama melalui KPBBT ialah menyaksikan di mana bahasa digunakan untuk tujuan makna sebenar yang melibatkan aktiviti komunikasi antara pelajar. Pada peringkat ini, pelajar bersedia untuk menyampaikan hasil tugas kepada rakan sekelas dalam konteks penggunaan bahasa secara umum bagi merealisasikan tujuan KPBBT iaitu menyatukan antara 4 kemahiran bahasa bagi melahirkan pelajar yang fasih dan tepat penggunaan bahasa.

## **2.9 Kajian- Kajian Lepas**

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan telah dilakukan oleh para pengkaji bahasa khususnya di dalam P & P bahasa Inggeris dalam mengenal pasti impak dan keberkesanan kaedah P & P bahasa berasaskan tugas. Kajian- kajian tersebut mempunyai signifikan dengan tajuk penulis, namun ianya menjurus kepada pelbagai bidang yang berbeza.

Noor Abdullah Fattash (2013) dalam tesis sarjananya yang bertajuk 'Kesan Penggunaan Pendekatan Berasaskan Tugas dalam mempelajari bahasa Inggeris di sekolah- sekolah rendah kerajaan daripada perspektif guru di Tubas (*The Effect of Applying Task-Based Approach on Learning English in Elementary Schools from the Teachers' Perspectives in Tubas Governorate*) cuba mengkaji perspektif guru- guru sekolah rendah di Palestin terhadap pelaksanaan KPBBT. Hasil kajiannya mendapati bahawa guru- guru mempunyai pengetahuan yang baik terhadap tugas dan seramai 72% guru- guru percaya bahawa penggunaan KPBBT memberikan impak positif kepada para pelajar.

Pengajaran Kemahiran Lisan: Suatu Pendekatan melalui Kaedah Berasaskan Tugas (*Teaching Oral Communication Skill: A Task Based Approach*) oleh M. Mojibur Rahman (2010) mengkaji keupayaan dan kebolehlaksanaan KPBBT bagi mengajar komunikasi lisan di kalangan pelajar yang mengambil subjek BI untuk tujuan sains dan teknologi di salah sebuah sekolah di India. Hasil kajian mendapati 70 % pelajar berjaya mendapat A dalam subjek tersebut walaupun pada mulanya terdapat beberapa masalah yang berlaku, namun pengkaji mendapati para pelajar amat bersemangat dalam melaksanakan tugas yang diberi.

Dr Muhammad Azhar Zailaini & Prof Madya Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, dalam “Keperluan Aktiviti Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah” telah membincangkan konsep dan strategi yang boleh membantu guru mempraktikkan pengajaran BA dalam bentuk praktikal. Mereka mencadangkan bagi membolehkan pelajar mampu berkomunikasi, peluang perlu diberikan kepada mereka untuk bertutur dalam kelas dengan menyempurnakan tugas komunikasi yang diberikan.

In-Jae Jeon dan Jung-won Hahn, dari Universiti Kebangsaan Mokpo, Korea telah membuat satu kajian yang bertajuk “Meninjau Persepsi Guru EFL terhadap Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas: Kajian Kes di dalam kelas di Sekolah Menengah Korea (*Exploring EFL Teachers’ Perceptions of Task-Based Language Teaching: A Case Study of Korean Secondary School Classroom Practice*). Hasil kajian mereka mendedahkan bahawa majoriti guru mempunyai pemahaman yang baik terhadap konsep KPBBT. Namun masih terdapat segelintir daripada mereka yang berfahaman negatif dalam melaksanakan KPBBT di dalam kelas. Walaubagaimanapun, daripada jumlah 128 responden, seramai 117 telah melaksanakan KPBBT di dalam kelas dan

mereka mengakui bahawa kaedah ini sesuai dilakukan dalam kumpulan yang kecil, dapat memperbaiki kemahiran interaksi di kalangan pelajar dan meningkatkan motivasi mereka dalam pelajaran.

Satu kajian telah dilakukan oleh Asma Musazay (2013) di dalam tesis sarjananya yang bertajuk “Meninjau Persepsi Guru terhadap KPBBT” (*Exploring Teacher’s Perspectives On Task Based Language Teaching*). Kajian tersebut cuba meninjau persepsi guru- guru Bahasa Inggeris (*CELPAD English Teachers*) terhadap penggunaan KPBBT, sejauh mana kesedaran dan pelaksanaan kaedah tersebut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hasil kajiannya mencatatkan bahawa guru-guru mengakui kaedah ini sangat berfaedah untuk membina aspek komunikasi pelajar dan interaksi sesama mereka bukan sahaja di dalam kelas, malah juga di luar kelas. Mereka percaya kaedah ini boleh menarik perhatian dan meningkatkan motivasi pelajar. Walaubagaimanapun mereka merasakan ianya lebih praktikal dilaksanakan kepada pelajar yang telah menguasai bahasa Inggeris di peringkat tinggi.

Antara kajian lain iaitu yang dilakukan oleh Tareq Mitib Murad (2009) yang bertajuk “Kesan KPBBT dalam meningkatkan Kemahiran Bertutur di kalangan Pelajar Palestin yang mempelajari Bahasa Inggeris di Israel dan sikap mereka terhadap Bahasa Inggeris” (*The Effect of Task-Based Language Teaching on Developing Speaking Skills among the Palestinian Secondary EFL Students in Israel and Their Attitudes towards English*). Kajian yang berbentuk eksperimen ini telah dijalankan selama 3 bulan melibatkan seramai 91 orang pelajar (37 lelaki, 54 perempuan). Penulis melakukan pra ujian bertutur dan pasca ujian bertutur dengan menggunakan KPBBT. Beberapa set soalan kaji selidik juga diberikan kepada para pelajar bagi mengetahui sikap mereka sebelum dan selepas ujian. Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa terdapat

perkembangan yang positif dalam aspek pertuturan pelajar dan KPBBT telah memberikan impak positif terhadap sikap mereka dalam mempelajari bahasa Inggeris. Hasil kajian juga mendapati bahawa melalui kaedah ini, kemahiran bertutur pelajar perempuan adalah lebih baik dibandingkan dengan pelajar lelaki.

Nazenin Ruso (2007) telah membuat satu kajian yang bertajuk “Pengaruh Pembelajaran Berasaskan Tugas di dalam kelas pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Asing (*The Influence of Task Based Learning on EFL Classrooms*). Hasil kajiannya menunjukkan KPBBT telah mewujudkan kepelbagaian corak pembelajaran kepada para pelajar. Di samping itu, kaedah ini juga mampu menggalakkan pembelajaran mereka kerana ia melibatkan penyertaan pelajar secara aktif dan membawa kepada perubahan yang signifikan terhadap perkembangan bahasa mereka.

Chen and Chen (2005) di Taiwan telah melakukan satu kajian bagi menguji keberkesanan tugas bahasa Inggeris dalam aspek kemahiran membaca dan menulis. Para peserta terdiri daripada 37 pelajar sekolah menengah yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Mereka diberikan satu set soalan kaji selidik bagi menilai sikap mereka terhadap tugas yang diberikan. Penulis mendapati bahawa mereka mempunyai sikap yang positif terhadap tugas yang berasaskan kemahiran membaca berbanding kemahiran menulis.

Atefeh Hadi (2012) dalam kajiannya yang bertajuk “ persepsi terhadap KPBBT: kajian terhadap pelajar Iran yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (*Perceptions of Task-based Language Teaching: A Study of Iranian EFL Learners*) telah merumuskan bahawa majoriti pelajar berpandangan positif terhadap KPBBT

yang dilaksanakan di dalam kelas. Mereka mampu membiasakan diri dengan pendekatan baru ini. Penerimaan mereka terhadap kaedah ini disebabkan ciri- cirinya yang bersifat kolaboratif, interaksi secara semulajadi dan berpotensi memberikan motivasi. Manakala bagi sebilangan kecil pelajar yang menolak kaedah ini disebabkan mereka masih lagi dikekang oleh kaedah pembelajaran secara tradisional dan berpusatkan guru.

Kajian yang dijalankan oleh Nur Hayati (2013) bertajuk “Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Tugas dalam Mengajar Kemahiran Bertutur kepada Pelajar ( *The effectiveness of task based learning method in teaching students’ speaking skill* ) mendapati bahawa KPBBT sangat berkesan dalam mengajar kemahiran bertutur. Hasil kajiannya mendedahkan bahawa pelajar yang belajar melalui KPBBT telah memperolehi pencapaian yang lebih baik dari aspek pertuturan berbanding dengan pelajar yang belajar melalui kaedah tradisional. Penulis juga mencadangkan agar guru menggunakan KPBBT dalam pengajaran kemahiran bertutur supaya kelas menjadi lebih menarik dan menyeronokkan.

## **2.10 Penutup**

Perubahan cara hidup dan perkembangan pesat teknologi masa kini telah merubah kaedah pendidikan negara kita, begitu juga dengan sistem P&P BA yang turut mengalami revolusi dan pembaharuan. Bermula dengan kaedah tradisional, kini telah pun ditambah baik dengan kaedah moden seperti KPBBT. Hasil positif daripada kajian- kajian lampau terutamanya dalam pengajaran BI telah mendorong penulis untuk mengkaji keberkesanannya dalam pengajaran BA.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Di dalam bahagian ini, perbincangan adalah berkisar tentang metodologi yang digunakan termasuk reka bentuk kajian, lokasi kajian, subjek kajian, instrumen kajian dan analisis data bagi melaksanakan kajian ini.

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Sulaiman Masri (2003) menyatakan reka bentuk penyelidikan ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan dijalankan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan dengan melibatkan beberapa aspek penyelidikan seperti permasalahan, strategi dan perkaitan sebab akibat. Ia juga akan menetapkan unit analisis, populasi, persampelan, variabel, cara pengukuran, pengumpulan dan penganalisan data.

Untuk menjawab persoalan kajian, penulis telah menetapkan metod yang digunakan iaitu metod kajian soal selidik dan juga kajian perpustakaan untuk mengumpul semua data yang diperlukan. Penulis cuba meninjau pengetahuan dan pengalaman pensyarah BA menggunakan KPBBT. Di samping itu, penulis juga cuba mendekati pelajar bagi mengenal pasti keberkesanan KPBBT dan pandangan mereka terhadap pengajaran pensyarah yang telah menggunakan KPBBT sebagai metod utama di dalam kelas dalam membantu mereka meningkatkan pemahaman dan penguasaan BA mereka.

### **3.2 Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya, Selangor.

### **3.3 Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 15 orang pensyarah (10 berbangsa Melayu dan 5 berbangsa Arab). Pemilihan pensyarah mengambil kira tempoh pengalaman mengajar dan kepelbagaian latar belakang bagi mendapatkan data yang pelbagai.

Pengkaji juga telah memilih seramai 30 orang pelajar berbangsa Melayu (14 lelaki dan 16 perempuan) tahun satu daripada beberapa kursus aliran sains dan sastera. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah. Responden terdiri daripada para pelajar yang mempunyai pelbagai status sosial dan latar belakang BA yang berbeza.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data daripada sampel kajian. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang dijalankan untuk mengetahui sejauhmana penerimaan para pensyarah dan pelajar terhadap KPBBT. Chua Yan Piaw (2011) menjelaskan penyelidikan kuantitatif adalah berdasarkan kepada kaedah penyelidikan inkuiri positif, di mana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika, kemudian dianalisis dengan ujian statistik. Untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini, penulis menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder.



### 3.4.1 Data Primer

Pengumpulan data primer yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini adalah kaedah soal selidik. Soal selidik adalah alat formal yang digunakan bagi memperoleh maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seseorang penyelidik (Rohana Yusof: 2003). Penulis memilih instrumen soal selidik berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu data dapat dikumpul dengan cepat, menjimatkan masa dan perbelanjaan semasa usaha pengumpulan data dijalankan. Perkara ini diakui oleh Mohd Majid Konting (1998) dengan mengemukakan beberapa kelebihan dalam menggunakan borang soal selidik jawapan terpilih. Antaranya:

1. Mudah ditadbir. Soalan-soalan yang diberikan dan jawapan-jawapan yang dicadangkan memudahkan subjek menjawab dengan tepat dan cepat.
2. Kerjasama yang tinggi daripada responden. Mereka mudah memahami kehendak soalan, kurang menggunakan ingatan, kurang berfikir dan boleh menjawab dengan cepat tanpa memerlukan kemahiran menulis.
3. Jawapan yang diberikan dapat melindungi kepincangan responden, memenuhi kepentingan peribadi dan menyetujui kehendak dan penerimaan sosial.
4. Memudahkan penganalisan jawapan. Data-data yang diperolehi melalui penggunaan soal selidik jawapan terpilih lebih teratur dan jelas.
5. Dapatan analisis daripada jawapan dapat ditafsirkan dengan berkesan. Cadangan jawapan yang diberikan sendiri oleh penyelidik untuk setiap soalan membolehkan penyelidik mengenalpasti dan menghayati kehendak soalan dan jawapan yang sesuai untuk mencapai objektif penyelidikan.

Melalui kaedah ini, responden perlu membaca dan memahami soalan atau pernyataan yang diberikan, seterusnya memilih jawapan yang paling tepat berdasarkan cadangan-cadangan jawapan yang diberikan.

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), pengkaji boleh menggunakan instrumen yang telah dibina oleh orang lain atau membinanya sendiri. Set soal selidik untuk kajian ini diubahsuai daripada set soal selidik Noor Abdullah Fattash (2013) yang bertajuk : *'Kesan Penggunaan Pendekatan Berasaskan Tugas dalam mempelajari bahasa Inggeris di sekolah- sekolah rendah kerajaan daripada perspektif guru di Tubas* yang diadaptasi daripada senarai semak Nunan (2004). Penulis membahagikan set soal selidik kepada dua kumpulan responden iaitu:

1) Pensyarah

Untuk kumpulan responden ini, penulis membina soalan berdasarkan rangka konseptual yang mengandungi beberapa bahagian seperti berikut:

Bahagian A : Maklumat Demografik Peribadi.

- Terdapat 3 item soalan dalam katogeri ini. Soalan- soalan melibatkan latar belakang pensyarah dari segi bangsa, pengalaman mengajar dan kelulusan tertinggi.

Bahagian B : terbahagi kepada dua komponen iaitu pengetahuan dan keberkesanan KPBBT berdasarkan pengalaman pensyarah.

- Dalam komponen pertama, penulis telah menyenaraikan 7 item maklumat yang menyentuh tentang pengetahuan pensyarah terhadap KPBBT, sejauhmana mereka memahami kaedah ini bagi membolehkan mereka mengaplikasi kaedah tersebut dalam pengajaran BA.

- Dalam komponen kedua, penulis telah menyentuh tentang pandangan pensyarah terhadap KPBBT sebagai metod pengajaran mereka. Sebanyak 8 aspek positif dan 6

aspek negatif telah disediakan bagi mengetahui impak kaedah tersebut kepada para pensyarah sepanjang penggunaannya dalam pengajaran BA mereka.

## 2) Pelajar

Penulis membahagikan maklumat kepada:

Bahagian A: Maklumat Demografik Peribadi Pelajar.

- Maklumat yang dikemukakan melibatkan latar belakang pelajar dari segi jantina, umur, bidang kursus, sekolah lepas dan latar belakang BA.

Bahagian B: Mewakili aspek umum pelajar terhadap kursus BA.

- Maklumat merangkumi minat mempelajari BA, tahap kursus BA & pandangan mereka terhadap BA di Pusat Asasi UIAM.

Bahagian C: maklumat tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran Pensyarah BA menggunakan KPBBT .

- Sebanyak 7 item soalan dibina menjurus kepada pandangan para pelajar terhadap KPBBT yang digunakan oleh pensyarah BA, kesesuaian dan keberkesanan KPBBT yang digunakan oleh pensyarah dalam membantu mereka memahami dan menguasai BA.

Bahagian D: maklumat tentang persepsi terhadap KPBBT.

- Sebanyak 9 item soal selidik tentang keberkesanan KPBBT disediakan kepada para pelajar bagi mengetahui kebaikan kaedah ini kepada pembelajaran BA.

### **3.4.2 Data Sekunder**

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian tersebut. Data-data ini diperolehi melalui buku-

buku rujukan, laporan dan penyelidikan, makalah, tesis-tesis dan juga laman- laman web yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara tempat yang menjadi rujukan penulis ialah Perpustakaan Universiti Malaya (UM) dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

### **3.5 Analisis Data**

Proses menganalisis data yang diperoleh daripada item soalan soal selidik adalah dengan menggunakan kaedah analisis statistik mudah iaitu secara kuantitatif.

Untuk soalan kaji selidik, data daripada bahagian A dianalisis menggunakan nilai kekerapan dan peratusan bagi memperolehi maklumat yang berkaitan. Manakala Skala Likert pula digunakan bagi menganalisis soalan-soalan di bahagian B, C dan D yang kemudiannya dianalisa dalam bentuk min.

Dalam skala Likert, responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain, contohnya daripada ‘sangat setuju’ kepada ‘sangat tidak setuju’ (Mohd Nawawi Ab Rahman: 2000). Contoh Skala Likert adalah seperti yang diberikan di bawah:

- 5- Sangat setuju (SS)
- 4- Setuju (S)
- 3- Tidak Pasti (TP)
- 2- Tidak setuju (TS)
- 1- Sangat tidak setuju (STS)

Bagi menganalisis data daripada soalan kaji selidik, penulis menggunakan pakej bantuan analisis statistik iaitu pengaturcaraan *Statistical Package For Social Sciences*

(SPSS) versi 16. SPSS dibina khas untuk menampung penganalisan data yang banyak dan berulang-ulang dengan cepat dan cekap.

Di samping itu, SPSS juga dibina dengan mengambil kira paras ukuran yang sering digunakan di dalam penyelidikan pendidikan seperti ukuran-ukuran nominal, ordinal, sela dan nisbah (Mohd Majid Konting:1990). Proses penganalisan data yang dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan kekerapan, peratusan dan min (purata) bagi setiap item yang dikemukakan. Hasil analisis kemudiannya akan disusun dalam bentuk jadual dan carta supaya lebih mudah difahami dan lebih jelas.

### **3.6 Penutup**

Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan, penulis menjalankan penyelidikan secara kuantitatif. Untuk kajian ini, penulis telah menggunakan borang soal selidik jawapan terpilih sebagai instrumen kajian bagi mengumpul data dan perisian SPSS versi 16 untuk menganalisis data yang diperolehi.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini mengandungi perbincangan mengenai data dan dapatan yang diperolehi daripada responden menerusi borang soal selidik yang diberikan kepada mereka.

#### 4.1 Dapatan Kajian


Berikut adalah dapatan yang diperolehi hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan ke atas dua kumpulan responden yang terlibat dalam kajian ini.

##### 4.1.1 Dapatan Kajian Pensyarah

###### Bahagian A: Maklumat Demografik Peribadi

Untuk tujuan mendapatkan maklumat bagi kajian ini, penulis telah memilih seramai 15 orang tenaga pengajar BA di Pusat Asasi UIAM. Kemudian data yang diperolehi dalam bahagian ini telah diterjemahkan dalam bentuk rajah seperti berikut:


a) Taburan responden mengikut bangsa.



Rajah 4.1

Carta 4.1 di atas menunjukkan jumlah pensyarah yang mengambil bahagian dalam soal selidik yang dijalankan dari segi bangsa. Seramai 10 orang pensyarah berbangsa Melayu terlibat dalam kajian ini iaitu mewakili 67%, diikuti pula pensyarah berbangsa Arab iaitu seramai 5 orang (33% ) daripada jumlah keseluruhan.


b) Taburan responden mengikut tahap pendidikan.



Rajah 4. 2

Berdasarkan carta 4.2 di atas, penulis merumuskan bahawa majoriti responden mempunyai Ijazah Sarjana iaitu seramai 9 orang (60%). Kemudian diikuti pula pensyarah yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan juga Ijazah Doktor Falsafah iaitu masing- masing berjumlah 3 orang (20%).

c) Taburan responden mengikut tempoh pengalaman mengajar.



Rajah 4.3

Hasil daripada soal selidik ini mendapati bahawa kebanyakan pensyarah yang terlibat dalam kajian ini telah melalui tempoh pengalaman mengajar yang agak lama iaitu dari tempoh 11 tahun dan ke atas. Seramai 6 orang pensyarah telah berkhidmat lebih kurang 11 tahun- 20 tahun (40%). Ini diikuti oleh 5 orang daripada mereka yang telah berkhidmat lebih dari 21 tahun (33%). Manakala bakinya seramai 4 orang yang berkhidmat dalam tempoh kurang dari 10 tahun (27%).

### **Bahagian B:**

Soalan seterusnya dibahagikan kepada 2 komponen iaitu berkait dengan pengetahuan pensyarah terhadap KPBBT dan pandangan mereka terhadap KPBBT berdasarkan pengalaman mereka dalam pengajaran BA.

Untuk tujuan mengumpul data daripada responden, penulis menggunakan 5 skala likert iaitu 1- Sangat tidak bersetuju, 2-Tidak bersetuju, 3- Tidak pasti, 4- Bersetuju dan 5- Sangat bersetuju.

Tindak balas responden diinterpretasi berdasarkan nilai min. Nilai min antara 1 hingga 2.4 dikategorikan sebagai negatif, 2.5 hingga 3.4 dikategorikan sebagai sederhana dan 3.5 hingga 5.0 dikategorikan sebagai positif.

### **I- Pengetahuan Pensyarah Terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa Berasaskan Tugas (KPBBT)**

	<b>Item Soalan</b>	<b>Min</b>
1.	KPBBT ialah kaedah pengajaran bahasa berpusatkan pelajar.	4.47
2.	KPBBT fokus kepada aspek makna berbanding nahu.	4.47
3.	KPBBT meningkatkan aspek kemahiran bertutur pelajar.	4.27



4.	KPBBT menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif.	4.67
5.	KPBBT melatih pelajar berkomunikasi dalam BA melalui tugas yang diberikan.	4.33
6.	KPBBT menyokong pembelajaran sendiri.	4.27
7.	KPBBT terbahagi kepada 3 peringkat; pra tugas, tugas utama dan pasca tugas.	4.8

Jadual 4.1

Jadual di atas menunjukkan beberapa aspek pemahaman pensyarah terhadap KPBBT yang baru dilaksanakan di pusat ini. Jika diperhatikan secara keseluruhan, penulis dapat merumuskan bahawa tahap pemahaman pensyarah terhadap KPBBT adalah tinggi dan memuaskan. Ini bermakna majoriti pensyarah telah mempunyai latar belakang yang baik tentang kaedah pengajaran ini. Secara khususnya mereka telah mengetahui konsep tugas, fungsinya serta cara pelaksanaannya dalam pengajaran BA. Hampir kesemua pensyarah memahami konsep KPBBT ini iaitu pengajaran yang berpusatkan pelajar di mana memerlukan mereka melakukan sesuatu tugas tertentu sehingga sampai kepada objektif pembelajaran BA yang dikehendaki. Di samping itu, pensyarah juga memainkan peranan sebagai fasilitator dalam membimbing pelajar ke arah memastikan objektif tersebut tercapai. Ini dapat dilihat daripada jumlah min tertinggi iaitu 4.8 yang menyatakan bahawa mereka mengetahui peringkat- peringkat tugas yang perlu diselesaikan oleh para pelajar iaitu pra tugas, tugas utama dan pasca tugas.

Penemuan ini menunjukkan mereka telah mempunyai pemahaman yang baik terhadap KPBBT dan sedikit sebanyak ia berupaya membantu mereka untuk mempraktikkan kaedah pengajaran baru ini kepada para pelajar. Perkembangan yang positif ini mungkin disebabkan oleh beberapa bengkel pencerahan terhadap KPBBT yang telah dijalankan oleh Jabatan Bahasa Al- Quran sebelum ianya diaplikasikan secara mutlak bermula sesi pembelajaran 2012/2013 yang lalu.

## II- Pandangan Pensyarah BA Terhadap KPBBT

	Item soalan	Min
1.	KPBBT menarik minat pelajar mempelajari BA.	4.07
2.	KPBBT menggalakkan penggunaan BA.	4.07
3.	KPBBT lebih praktikal kepada pelajar yang mempelajari BA di peringkat tinggi.	3.8
4.	KPBBT mengintegrasikan semua kemahiran BA.	3.33
5.	KPBBT meningkatkan motivasi pelajar mempelajari BA.	4.13
6.	KPBBT meningkatkan kreativiti pelajar dalam menyelesaikan tugas.	4.2
7.	KPBBT membantu pelajar menguasai semua kemahiran bahasa.	3.47
8.	Silibus dan buku teks yang disediakan membantu pensyarah mempraktikkan KPBBT.	3.47
9.	KPBBT tidak sesuai untuk pelajar peringkat permulaan.	2.87
10.	KPBBT membebankan kerana memerlukan lebih persediaan (menyediakan tugas).	3.5
11.	Sukar mempraktikkan KPBBT kerana masa pengajaran yang terhad.	3
12.	Sukar menilai pencapaian pelajar secara individu kerana tugas dilakukan berkumpulan.	2.93
13.	Silibus yang disediakan tidak sesuai.	3.4
14.	KPBBT tidak membantu pelajar menjawab soalan peperiksaan.	3.8

Jadual 4.2

Dalam bahagian 2 ini yang menyentuh tentang keberkesanan KPBBT berdasarkan pengalaman pensyarah BA, penulis telah membahagikan item- item soalan kepada 2 bahagian iaitu aspek positif dan negatif. Sebanyak 8 item soalan menggambarkan aspek positif responden terhadap KPBBT. Berdasarkan kepada hasil yang diperolehi, penulis mendapati pandangan responden terhadap KPBBT hampir berada pada tahap positif dan memuaskan. Majoriti responden sangat bersetuju bahawa KPBBT menarik minat pelajar untuk mempelajari BA dengan jumlah min yang tinggi iaitu 4.07. Manakala bagi item no 2, kesemua responden bersetuju bahawa KPBBT

menggalakkan penggunaan BA di kalangan pelajar dengan ditunjukkan oleh nilai min sebanyak 4.07.

Bagi item no 3, kebanyakan pensyarah percaya bahawa kaedah ini amat sesuai dan praktikal untuk pelajar yang berada di peringkat tinggi iaitu diwakili dengan nilai min 3.8, walaupun ada di kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan item tersebut. Ini kerana pelajar- pelajar berkenaan khususnya pelajar yang mengambil jurusan Ilmu Wahyu dan Bahasa Arab serta Undang- undang Syariah sudah mempunyai asas BA yang kukuh dan mereka perlu mempelajari dan mempraktikkan BA untuk tujuan memudahkan mereka memahami kursus yang akan dipelajari pada peringkat ijazah nanti.

Begitu juga item 5 dan 6, para pensyarah mendapati KPBBT berjaya meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari BA dengan lebih baik dan ia secara tidak langsung menjadikan pelajar lebih kreatif berfikir terutamanya sepanjang menyiapkan tugas-tugas yang diberikan. Kenyataan mereka ini diwakili oleh nilai min yang tinggi iaitu 4.13 dan 4.2. Hakikat ini diakui oleh Asma Musayaz (2013) dalam tesis sarjananya iaitu semua guru bersetuju bahawa kaedah ini mampu meningkatkan motivasi dalam diri pelajar terutamanya melalui tugas yang dilakukan.

Walaupun, item no 4, 7 & 8 menunjukkan jumlah min yang sederhana iaitu 3.33 dan 3.47. Perkara ini menjelaskan bahawa sesetengah pensyarah tidak bersetuju melalui kaedah ini, para pelajar dapat mengintegrasikan kesemua kemahiran bahasa yang sepatutnya mereka pelajari. Ianya mungkin disebabkan konsep semulajadi kaedah ini yang banyak menekankan aspek komunikasi lisan dan kemahiran mendengar. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat menguasai keempat- empat

kemahiran bahasa yang sepatutnya menjadi asas pembelajaran BA. Selain itu, buku teks ataupun buku rujukan serta silibus yang disediakan masih belum cukup mantap untuk membantu para pensyarah mempraktikkan kaedah ini dengan lebih berkesan.

Bagi aspek negatif pula, terdapat 6 item soalan yang dibincangkan. Kesemua item ini mungkin menjadi antara faktor penyebab kepada penolakan segelintir pensyarah terhadap penggunaan KPBBT dalam pengajaran BA samada secara total ataupun dalam keadaan tertentu, walaupun hakikatnya mereka telah memahami konsep KPBBT secara jelas. Daripada 6 item soal selidik yang diberikan kepada responden, majoritinya menunjukkan jumlah min yang sederhana, hanya 1 item soalan yang menunjukkan jumlah min yang positif. Jumlah ini menunjukkan bahawa terdapat sebahagian pensyarah bersetuju dengan item soalan yang dikemukakan, dan terdapat sebahagian lagi yang tidak bersetuju dan bakinya tidak pasti dengan jawapan mereka.

Item no 9 menunjukkan walaupun ada beberapa orang pensyarah bersetuju bahawa KPBBT tidak sesuai untuk pelajar yang berada di tahap permulaan, namun ada juga di kalangan mereka yang percaya bahawa kaedah ini juga sesuai dipraktikkan untuk pelajar- pelajar tersebut. Ianya ditunjukkan oleh jumlah min yang sederhana iaitu 2.87.

Hasil soal selidik bagi item no 10 menunjukkan hampir separuh daripada bilangan pensyarah iaitu seramai 8 orang bersetuju bahawa KPBBT membebankan mereka kerana ia memerlukan persediaan rapi dan berterusan di pihak guru sebelum melaksanakan pengajaran di dalam kelas, diikuti dengan 2 orang tidak pasti dan 5 orang tidak bersetuju. Hasilnya telah dinyatakan oleh nilai min yang positif iaitu 3.5. Namun demikian, kebanyakan daripada mereka tidak menganggap tempoh pengajaran yang terhad di dalam kelas merupakan faktor yang menghalang mereka daripada

menggunakan KPBBT iaitu diwakili oleh nilai min 3, manakala hanya sebilangan kecil yang mengakui sukar menggunakan kaedah ini kerana waktu yang diperuntukkan amat terhad. Sebahagian pensyarah juga bersetuju bahawa sukar untuk menilai pencapaian pelajar secara individu kerana tugas yang dilakukan biasanya dibuat samada secara berpasangan ataupun secara berkumpulan.

Hasil kajian bagi item no 13 menunjukkan bahawa sebilangan besar pensyarah mengakui bahawa silibus yang digunakan masa kini tidak sesuai, manakala selebihnya tidak bersetuju dan sebahagian kecil yang lain pula tidak pasti dengan item tersebut. Hasil kajian dijelaskan dalam jumlah min yang sederhana iaitu 3.4. Untuk item soalan yang terakhir, majoriti pensyarah bersetuju bahawa KPBBT tidak dapat membantu pelajar menjawab soalan peperiksaan dengan baik seperti yang ditunjukkan oleh nilai min yang tinggi iaitu 3.8, sebahagian yang lain tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan bakinya pula tidak pasti dengan item tersebut.

#### **4.1.2 Dapatan Kajian Pelajar**

##### **Bahagian A: Maklumat Demografik Peribadi**

a) Taburan Responden Mengikut Jantina.

Responden yang terlibat di dalam kajian ini merupakan pelajar di Pusat Asasi UIAM yang terdiri daripada 14 orang pelajar lelaki iaitu mewakili 46.7% dan 16 orang pelajar perempuan iaitu seramai 53.3%. Jumlah responden kesemuanya adalah 30 orang seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
lelaki	14	46.7
perempuan	16	53.3
Total	30	100.0

Jadual 4.3

b) Taburan Responden Mengikut Umur.

Umur	Kekerapan	Peratus
18 tahun	20	66.7
19 tahun	9	30.0
20 tahun	1	3.3
Total	30	100.0

Jadual 4.4

Jadual di atas menunjukkan kekerapan umur pelajar yang terlibat dalam kajian ini iaitu majoriti para pelajar tersebut berusia 18 tahun iaitu seramai 66.7%, diikuti pula pelajar yang berumur 19 tahun iaitu seramai 30% daripada jumlah keseluruhan. Manakala hanya seorang pelajar sahaja yang berusia 20 tahun iaitu 3.3%.

c) Taburan Responden Mengikut Jabatan.

No	Jabatan	Kekerapan	Peratus
1	Undang- undang	1	3.3
2	Bahasa Arab & Kesusasteraan	8	26.7
3	Bahasa & Pengurusan	2	6.7
4	Ilmu Wahyu	9	30.0
5	Sains Kemanusiaan	3	10.0
6	Senibina dan Rekabentuk Persekitaran	1	3.3
7	Kejuruteraan	2	6.7
8	Teknologi Maklumat & Komunikasi	1	3.3
9	Bahasa Inggeris	3	10.0
	Total	30	100.0

Jadual 4.5

Jadual 4.5 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut jenis program pengajian yang diikuti di Pusat Asasi, UIAM, Petaling Jaya. Jadual ini menunjukkan

sebanyak 9 jabatan mengambil bahagian dengan jumlah responden sebanyak 30 orang. Jabatan Ilmu Wahyu mendominasi jumlah tertinggi iaitu sebanyak 30% pelajar. Kemudian diikuti oleh Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan dengan jumlah sebanyak 26.7% pelajar. Seterusnya diikuti oleh Jabatan Sains Kemanusiaan & Bahasa Inggeris dengan masing- masing berjumlah 10% pelajar. Manakala pelajar yang mengambil kursus Bahasa & Pengurusan dan Kejuruteraan masing- masing berjumlah 6.7%. Hanya 3.3% pelajar mengambil kursus Undang- undang, Senibina & Reka Bentuk Persekitaran dan Teknologi Maklumat & Komunikasi.

d) Taburan Responden mengikut aliran pembelajaran di Sekolah Menengah

Aliran	Kekerapan	Peratus
Agama	10	33.3
Sains	6	20.0
Sastera	4	13.3
lain- lain	10	33.3
Total	30	100.0

Jadual 4.6

Jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut klasifikasi aliran semasa di sekolah. Sebanyak 33.3% responden terdiri daripada pelajar aliran Agama dan lain- lain seperti aliran ekonomi dan teknik. Kemudian diikuti 20% pelajar yang berasal daripada aliran sains dan selebihnya mengambil aliran sastera iaitu 13.3%.

e) Taburan latar belakang BA responden.

Daripada 30 orang responden yang terlibat, seramai 23 orang telah mempunyai asas dalam BA, baki seramai 7 orang tidak mempunyai asas langsung dalam BA. Bagi pelajar yang telah mempelajari BA di sekolah lepas, penulis nyatakan di sini sijil tertinggi BA yang telah mereka perolehi seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.7 di bawah.

<b>Sijil Bahasa Arab</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Sijil Khas Sekolah Agama	3	13
Penilaian Menengah Rendah (PMR)	1	4
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	19	83
<b>Total</b>	<b>23</b>	<b>100</b>

Jadual 4.7

Jadual 4.7 menunjukkan taburan responden yang memiliki sijil BA semasa belajar di sekolah. Majoriti pelajar memiliki sijil BA hingga ke peringkat SPM iaitu seramai 83%, diikuti pula sijil khas Sekolah Agama seramai 13% dan hanya 4% memiliki sijil BA di peringkat PMR.

#### **Bahagian B: Aspek Umum Mengenai Kursus Bahasa Arab**

<b>Angkubah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1. Tahap BA		
- LQM 0208	3	10
- LQM 0430	8	26.7
- LQM 0516	11	36.6
- LQM 0616	8	26.7
2. Meminati BA		
- Ya	28	93.3
- Tidak	2	6.7
3. Pandangan terhadap BA		
- Amat susah	-	-
- Susah	12	40
- Sederhana	15	50
- Senang	2	6.7
- Amat senang	1	3.3

Jadual 4.8

Jadual 4.8 menunjukkan tahap BA, sikap dan pandangan terhadap BA di kalangan pelajar. Kajian mendapati keseluruhan responden berada pada tahap BA yang



sederhana dan tinggi, iaitu sebanyak 36.6% berada pada tahap 0516 dan masing-masing 26.7% responden berada pada tahap 0430 dan 0616. Pandangan responden terhadap kursus BA yang dilaksanakan di Pusat Asasi UIAM majoritinya pada tahap sederhana iaitu mewakili sebanyak 50% pelajar. Seramai 40% responden menganggap kursus BA adalah susah, dan hanya 10% responden mengatakan kursus BA adalah mudah.

Hasil kajian ini telah menjelaskan kepada kita bahawa walaupun kebanyakan responden berada pada tahap BA yang sederhana dan tinggi serta pernah mempelajari BA di sekolah samada di sekolah rendah mahupun menengah, namun bagi mereka kursus BA yang dipelajari di Pusat Asasi UIAM masih agak susah.

### **Bahagian C: Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pensyarah BA Menggunakan KPBBT**

Bagi mendapatkan tindak balas responden terhadap kaedah pengajaran pensyarah menggunakan KPBBT, penulis menggunakan 5 skala likert iaitu 1- Sangat tidak bersetuju, 2-Tidak bersetuju, 3- Tidak pasti, 4- Bersetuju dan 5- Sangat bersetuju.

Kemudian jawapan responden diinterpretasi berdasarkan nilai min. Nilai min antara 1 hingga 2.4 dikategorikan sebagai negatif, 2.5 hingga 3.4 dikategorikan sebagai sederhana dan 3.5 hingga 5.0 dikategorikan sebagai positif.

<b>Item soalan</b>	<b>Min</b>
1. Pensyarah saya menggunakan KPBBT dalam pengajaran BA.	4.33
2. Pensyarah membantu saya memahami tugas yang diberikan.	4.3
3. Pensyarah memberikan senarai perkataan dan frasa yang sesuai	4.43

dengan tugas.	
4. Pensyarah memberi semangat dan motivasi bagi menyiapkan tugas.	4.4
5. Pensyarah membantu saya berkomunikasi dalam BA.	4.33
6. Pensyarah memberi tunjuk ajar semasa melakukan tugas berkumpul.	3.93
7. Pensyarah memberikan komen dan memperbaiki kesalahan BA saya semasa pembentangan.	4.43

Jadual 4.9

Dapatan kajian daripada jadual di atas jelas menunjukkan bahawa pandangan responden terhadap KPBBT yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran BA adalah positif. Perkara ini juga membuktikan bahawa kebanyakan pensyarah telah mula melaksanakan KPBBT dalam pengajaran BA mereka dan kaedah ini didapati telah memberikan impak positif kepada pengajaran mereka dan juga para pelajar. Ini berdasarkan kepada hasil dapatan yang menunjukkan min yang tinggi dan positif iaitu melebihi 4, kecuali satu item soalan yang memperoleh min 3.93 di mana terdapat segelintir pelajar yang kurang berpuas hati dengan tunjuk ajar guru semasa melakukan tugas berkumpul di dalam kelas. Walaubagaimanapun, secara umumnya dapatan ini menunjukkan bahawa para pelajar telah memberikan tindak balas yang baik terhadap konsep pengajaran pensyarah BA yang telah menggunakan KPBBT dalam pengajaran mereka.

#### **Bahagian D: Persepsi Pelajar Terhadap KPBBT**

<b>Item</b>	<b>Min</b>
8. KPBBT menarik minat saya mempelajari BA.	4.1
9. KPBBT membantu saya menguasai kemahiran bertutur	4.43

dan mendengar.	
10. KPBBT membantu saya menguasai kemahiran membaca dan menulis.	4.23
11. KPBBT memupuk semangat bekerjasama dalam kumpulan.	4.23
12. KPBBT melatih saya berinteraksi di hadapan umum.	3.77
13. KPBBT membina keyakinan diri saya.	3.83
14. KPBBT membantu saya menguasai BA dengan lebih mudah dan berkesan.	4.03
15. KPBBT menjadikan pembelajaran BA lebih menyeronokkan.	4.43
16. KPBBT memberikan impak positif dalam pembelajaran BA saya.	4.17

Jadual 4.10

Berdasarkan dapatan di atas, penulis mendapati bahawa KPBBT telah memberikan kesan yang positif terhadap pembelajaran BA di kalangan pelajar- pelajar. Kebanyakan mereka mempunyai persepsi yang baik terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran ini dengan nilai min yang tinggi iaitu hampir keseluruhannya mencapai nilai min 4 dan ke atas. Rata- rata pelajar bersetuju bahawa KPBBT mampu membantu mereka meningkatkan kemahiran bertutur dan mendengar. Kaedah ini juga mampu membuatkan proses pembelajaran BA menarik dan lebih menyeronokkan. Kedua- dua item ini dibuktikan dengan pemerolehan nilai min tertinggi iaitu 4.43. Cuma jika dilihat dari aspek keupayaan kaedah ini melatih pelajar berinteraksi di hadapan umum, sesetengah pelajar masih lagi tidak mampu mencapai tahap berkomunikasi dengan baik iaitu ditunjukkan dengan nilai min sebanyak 3.77. Keadaan ini juga mungkin berpunca daripada kurangnya keyakinan diri iaitu diwakili oleh nilai min sebanyak 3.83. Kekurangan ini seharusnya diperbaiki kerana melalui KPBBT ini, peluang terbuka luas bagi pelajar untuk menggunakan BA dengan lebih praktikal dan berkesan.

## **4.2 Penutup**

Dapatan kajian yang positif menunjukkan kesediaan kedua- dua belah pihak iaitu pensyarah dan pelajar menerima KPBBT dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA masa kini.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN SARANAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab ini mengandungi kesimpulan daripada kajian yang telah dilakukan, saranan dan penutup.

#### **5.1 Kesimpulan Kajian**

Berdasarkan hasil dapatan daripada kajian ini, beberapa perkara dapat disimpulkan seperti berikut:

a) **Pengetahuan dan Pemahaman Pensyarah Terhadap KPBBT**

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pensyarah telah memahami konsep KPBBT dengan baik, termasuk konsep tugas dan cara pelaksanaannya. Perkara ini mendorong mereka untuk mempraktikkan kaedah ini dalam pengajaran BA mereka. Walaupun masih terdapat kekurangan dari beberapa aspek yang dinyatakan seperti silibus dan bahan rujukan yang masih belum mantap, serta kekangan masa yang agak terhad dan kurangnya pengalaman, tidak menghalang mereka untuk mencuba kaedah baru ini. Apapun pemikiran mereka yang positif membolehkan KPBBT dilaksanakan di Pusat Asasi UIAM ini.

b) **Pandangan Pensyarah BA Terhadap KPBBT**

Terdapat dua aspek yang boleh dilihat daripada dapatan kajian ini. Dari aspek positif, kebanyakan pensyarah mengakui bahawa kaedah ini sedikit sebanyak dapat

membantu mereka menarik minat pelajar dan dalam masa yang sama meningkatkan motivasi pelajar ke arah mempelajari BA dengan lebih baik dan berkesan. Mereka percaya melalui kaedah ini, para pelajar akan merasa terdorong untuk belajar BA khususnya mempraktikkannya dalam komunikasi mereka bersama rakan sebaya. Jika sebelum ini, banyak kajian mendapati antara kelemahan pelajar BA ialah dari aspek kemahiran bertutur akibat daripada corak pengajaran sehala, tetapi melalui KPBBT pelajar perlu menggunakan BA semasa membentangkan tugas-tugas yang dilakukan di hadapan kelas. Kaedah ini secara tidak langsung dapat melatih pelajar bertutur dalam BA, terutamanya bagi pelajar yang mengambil jurusan BA dan Ilmu Wahyu yang memerlukan komitmen yang tinggi dalam menggunakan BA samada dari segi lisan mahupun tulisan.

Dari aspek negatif pula, tidak dapat dinafikan kaedah ini masih agak baru bagi pensyarah BA. Seseengah daripada pensyarah merasa terbeban kerana mereka perlu membuat lebih persediaan seperti menyediakan tugas yang bersesuaian mengikut tahap pelajar dan memastikan tugas tersebut berjaya mencapai objektif pengajaran yang hendak disampaikan. Di samping itu, sebahagian mereka merasakan bahawa kaedah ini tidak dapat membantu para pelajar menjawab soalan peperiksaan dengan baik kerana sifat semulajadi KPBBT lebih menekankan aspek pertuturan dan pendengaran, manakala peperiksaan yang dijalankan lebih menumpukan kepada aspek kemahiran membaca dan menulis. Jadi, beberapa kelemahan yang wujud ini menyebabkan mereka tidak dapat mempraktikkan kaedah ini dalam pengajaran sepenuhnya.

- c) Persepsi pelajar Terhadap Pengajaran Pensyarah BA yang menggunakan KPBBT
- Kajian membuktikan bahawa kebanyakan para pelajar amat berpuas hati dengan mutu pengajaran para pensyarah BA yang telah menggunakan KPBBT dalam

pengajaran mereka. Pensyarah banyak membantu mereka dalam memahami tugas yang diberikan dan sering memberikan bimbingan sepanjang mereka melakukan tugas tersebut. Bahkan mereka juga memberikan semangat dan motivasi kepada pelajar untuk mempelajari BA.

d) Persepsi Pelajar Terhadap KPBBT.

Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi, kesemua pelajar dapat menerima KPBBT dengan baik. Mereka mendapati kaedah baru ini bukan sahaja dapat membantu mereka meningkatkan pemahaman dan penguasaan dalam BA, malah ianya juga dapat membina aspek positif dalam diri mereka seperti mendedahkan mereka dengan cara berkomunikasi di khalayak ramai, membina keyakinan bertutur dalam BA, mengeratkan hubungan sesama rakan sebaya melalui konsep bekerjasama dalam kumpulan serta berjaya menarik minat dan meningkatkan motivasi mereka untuk belajar BA dengan lebih gigih.

KPBBT juga merupakan sebahagian daripada kaedah pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (*Student Centered Learning (SCL)*) iaitu didefinisikan sebagai satu pendekatan pendidikan yang memfokuskan kepada keperluan pelajar, berbanding dengan penglibatan sepenuhnya oleh pendidik (guru atau pensyarah). Menurut Cannon (2000), *SCL* merujuk cara berfikir (*ways of thinking*) tentang pembelajaran dan pengajaran yang menekankan tanggungjawab pelajar terhadap aktiviti-aktiviti pembelajaran seperti perancangan pembelajaran (*planning learning*), proses interaksi antara guru dengan pelajar lain, menyelidik dan menilai hasil pembelajaran.

Melalui KPBBT ini, pelajar perlu bertindak, berperanan serta bertanggungjawab dalam situasi dan konteks pembelajaran mereka, dan secara tidak langsung, aktif

dalam menentukan matlamat dan objektif serta menguruskan proses pembelajaran mereka. Dalam erti kata lain, pelajar diberi kebebasan untuk meneroka secara mendalam kefahaman ilmu dalam proses pembelajaran tersebut berdasarkan keinginan dan minat mereka sendiri terutamanya dalam menyelesaikan tugas dengan bantuan dan sokongan daripada pensyarah. Kaedah ini diyakini bukan setakat membantu pelajar ke arah kecemerlangan akademik semata-mata, malah pelajar diberikan ruang untuk mempraktik dan meningkatkan nilai-nilai peribadi murni seperti fleksibel, keyakinan diri, kemahiran sosial, ketelusan dan keterbukaan komunikasi (Motschnig-Pitrik & Holzinger, 2002)

## **5.2 Saranan**

- a) memandangkan KPBBT merupakan kaedah yang baru dipraktikkan dalam pengajaran BA, tidak dapat dinafikan masih terdapat beberapa kelemahan yang wujud di sana-sini. Oleh itu usaha-usaha penambahbaikan perlu dilakukan dari masa ke semasa samada dari pihak universiti mahupun pensyarah terutamanya yang melibatkan silibus dan bahan bantuan mengajar serta prasarana-prasarana lain yang boleh membantu pensyarah menggunakan kaedah ini dengan lebih berkesan dan berjaya. Pihak universiti dan institusi pengajian perlu menyesuaikan aktiviti pembelajaran yang dimuatkan dalam silibus pembelajaran dengan kehendak pelajar dan keperluan semasa. Hal ini bertujuan menjadikan pembelajaran lebih menarik bagi menambah minat dan motivasi serta mengekalkan kecenderungan mereka terhadap bahasa ini
  
- b) pensyarah perlulah kreatif dan mempelbagaikan tugas supaya dapat menarik minat pelajar untuk menyiapkannya dan mengelakkan mereka daripada merasa bosan dan tertekan, dengan syarat tugas tersebut mestilah sesuai mengikut tahap



pelajar masing- masing. Kepelbagaian tugas dan aktiviti di dalam kelas mampu mencetuskan minat pelajar dan sekali gus menambah kecenderungan mereka terhadap pembelajaran BA.

- c) pensyarah juga perlu memantau para pelajar semasa melakukan tugas secara berkumpulan dengan memastikan semua pelajar terlibat, tidak ada yang berkecuali supaya memudahkan mereka untuk membuat penilaian pelajar, dan agar semua pelajar sama- sama mendapat manfaat daripada tugas tersebut.
- d) pensyarah perlu memainkan peranan sebagai fasilitator dengan menggunakan pendekatan yang sesuai bagi meningkatkan tahap keyakinan pelajar untuk berinteraksi di hadapan umum, menggalakkan mereka terlibat secara aktif dalam sesuatu tugas yang diberikan serta membimbing mereka dengan memberikan komen dan membetulkan kesalahan bahasa yang berlaku semasa pembentangan.

### **5.3 Penutup**

Secara umumnya, KPBBT berjaya memberikan implikasi positif kepada kedua- dua belah pihak samada pensyarah mahupun pelajar terhadap P&P BA di Pusat Asasi UIAM. Justeru itu, segala masalah dan kekurangan yang wujud perlu diberi perhatian dan ditangani segera oleh semua pihak demi meningkatkan mutu pengajaran dan penguasaan pelajar terhadap bahasa al –Quran di pusat ini khasnya dan di Malaysia amnya.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

Abdullah Jusuh. (1989). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan. (1996). *Isu-Isu Pembelajaran Dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Abdullah Muslim al- Hasyimi. (2011). *Madkhal Ta'lim al- Lughah wa ta'allumiha al-Qaim 'ala al- Mahammah: Ususuhu al- Nazariyah wa al- tatbiqiyah*. Dlm. Qadaya ta'lim al- lughah al- arabiyah wa ta'allumiha. Cet 1. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Abdul Rahim Hj. Ismail. (2005). *al- Dirasat al- 'Arabiyah fi al- dirasat al- 'ulya wa 'alaqatiha bi tarbiyah al- lughah al- 'Arabiyah fi Maliziya*. Dlm. *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ashinida Aladdin et. al. (2004) *Penggunaan PBBK (Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing: Satu tinjauan awal*. Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: Universiti Kebangsaan Malaysia. Dimuat turun daripada <http://pkukmweb.ukm.my/~ppbl/Gema/GemaVol4.1.2004No1.pdf>.

Asma Musazay. (2013). *Exploring Teacher's Perspectives On Task Based Language Teaching*. Kuala Lumpur. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Asmah Hj. Omar. (1989). *Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing dan pengajarannya di sekolah*. Dalam *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Asmah Haji Omar (ed.). Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atefeh Hadi.(2012). *Perceptions of Task-based Language Teaching: A Study of Iranian EFL Learners*. Universiti Islam Azad. Iran. Dimuat turun daripada <http://www.ccsenet.org/ journal/index.php/elt/article/viewFile/23048/14797>.

Awang Had Salleh. (1980). *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Branden, K. (2006) *Introduction: Task Based Language Teaching in a Nutshell* dalam K. Branden (ed). *Task Based Language Education*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Breen, M. (1987). *Learner Contributions to Task Design*. Amsterdam: John Benjamins
- Chen, P.C & Chen C. Y. (2005). *Bridging Reading and Writing: A Collaborative Task Based English Instruction*. WHAMPOA an Interdisciplinary Journal. 49. 349-366
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. (edisi kedua). Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Ellis, R. (2003) *Task Based Language Teaching* Oxford: Oxford University Press.
- Furuta, J. (2002). *Task Based Language Instruction: An Effective Means of Achieving Integration of Skill and Meaningful Language Use*. Diambil daripada Eric No. (ED475019).
- Hmelo, Cannon. and Lin, X. (2000). *Becoming Self-Directed Learners: Strategy Development in Problem-Based Learning*. In Evensen, D.H & Hmelo, C.E (Eds.). *Problem-Based Learning: A Research Perspective on Learning Interactions*.
- In-Jae Jeon dan Jung-won Hahn. *Exploring EFL Teachers' Perceptions of Task-Based Language Teaching: A Case Study of Korean Secondary School Classroom Practice*. Universiti Kebangsaan Mokpo Korea. Dimuat turun daripada [http://www.asian-efl-journal.com/March06\\_ijj&jwh.pdf](http://www.asian-efl-journal.com/March06_ijj&jwh.pdf)
- Ishak Mohd Rejab. (1993). *Masalah Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. ukm
- Ismail Ibrahim. (1994). *Pengajian dan pembelajaran agama Islam di pusat- pusat pengajian tinggi*. Dlm. Abdul Halim El- Muhammady (pnyt). *Pendidikan Islam dalam pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Snd Bhd.
- Jassem, Ali Jassem. 1999. *An Error Analysis Of The Verb Phrase: A Case Study Of The Writing Of Fourth Year Literary Stream Students At Kuala Lumpur Religious Secondary School*. Tesis Phd. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

- Jefridin Pilus. 2002. *Penggunaan Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi: Satu Kajian Di SMAP Labu*. Projek Penyelidikan Pendidikan. Bangi: UKM
- Kamarudin Hj. Husin. (1986). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Petaling Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.(2005). Ed 4. Selangor: Dawama Snd Bhd
- Keith. (2008). Dimuat turun daripada <http://TBLT.net/2008/03/05/What-is-Task-Based-Language-Teaching/>
- Khoo Kay Kim. (1980). Perkembangan Pelajaran Agama Islam. Dlm. Awang Had Salleh (pnyt.). *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Littlewood, W.T. (1981). *Communicative language teaching : An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maimun Aqsha Hj Abidin Lubis. *Keunggulan kaedah elektik sistematik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa arab kepada pelajar melayu*. Dimuat turun daripada [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/17012/MAIMUN\\_1.pdf](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/17012/MAIMUN_1.pdf)
- Maimun Aqsha Hj Abidin Lubis. (2003). *Satu perbandingan kesan tiga kaedah pengajaran bahasa Arab terhadap pencapaian kemahiran bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Mat Taib Pa. (2008). Isu- Isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di Insitut pengajian Tinggi. *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Insitut Pengajian Tinggi Malaysia*. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM pada 22-23 Mac 2008.
- Mat Taib Pa, Mohd Rosdi Ismail. (2006) *.Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Mohamed bin Awang. (1996). *Kaedah pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah : satu tinjauan tentang sikap dan amalan guru-guru bahasa Arab di Sekolah-*

*sekolah Menengah Agama Bantuan.* Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguisti, Universiti Malaya.

Mohd Majid Konting. (1990). "*Kaedah Penyelidikan Pendidikan.*" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Puzhi Usop. (2001). *Buku Al Qalam 1 : Pendekatan & Penggunaan Dalam Pengajaran.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Mok Soon Sang. 1991. *Pedagogi 2: Strategi Pengajaran dan Pengajaran Mikro.* Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Motschnig-Pitrik, R., & Holzinger, A. (2002). Students-Centered Teaching Meets New Media: Concept and case study. *Educational Technology & Society* 5 (4): 2002. Dimuat turun daripada: [http://ifets.ieee.org/periodical/vol\\_4\\_2002/renate.html](http://ifets.ieee.org/periodical/vol_4_2002/renate.html)

M. Mojibur Rahman . (2010). *Teaching Oral Communication Skill: A Task Based Approach* . Dimuat turun daripada [http://www.esp-world.info/Articles\\_27/Paper.pdf](http://www.esp-world.info/Articles_27/Paper.pdf)

Muhammad Abdul Qadr Ahmad. 1982. *Turuq Ta'lim Al-Lughat Al-'Arabiyyat.* Maktabat Al-Nahdat Al- Misriyat. Kaherah.

Muhammad Azhar Zailaini & Prof Madya Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, *Keperluan Aktiviti Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah,* Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Muhammad Idris Al-Marbawiy. t.t. *Kamus Al-Marbawiy.* Cet. 4. Pen : Mustafa Al-Bab Al-Halabi Wa Auladihi. Mesir

Nazenin Ruso. (2007). *The Influence of Task Based Learning on EFL Classrooms.* Dimuat turun daripada [http://asian-efl-journal.com/pta\\_February\\_2007\\_tr.pdf](http://asian-efl-journal.com/pta_February_2007_tr.pdf)

Noor Abdullah Fattash. (2013). *The Effect of Applying Task-Based Approach on Learning English in Elementary Schools from the Teachers' Perspectives in Tubas Governorate.* *Palestin:* Universiti Antarabangsa al- Najah. Dimuat turun daripada [http://scholar.najah.edu/sites/default/files/noor%20fatah\\_0.pdf](http://scholar.najah.edu/sites/default/files/noor%20fatah_0.pdf)

Nunan D. (2006). *Task-Based Language Teaching in the Asia Context: Defining Task.* *Asian EFL Journal*, 8(3). Dimuat turun daripada [http://www.asian-efl-journal.com/sept\\_06\\_dn.php](http://www.asian-efl-journal.com/sept_06_dn.php).

- Nunan, D. (1989). *Designing tasks for the communicative classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nunan D. (2004). *Task-Based Learning and Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nur hayati. (2013). *The effectiveness of Task based learning method in Teaching Students' speaking skill*. Dimuat turun daripada <http://www.fkipunisma.ac.id/wp-content/uploads/2013/02/Nur-Hayati-The-Effectiveness-of-Task-Based-Learning-Method-in-Teaching-Students%E2%80%99Speaking-Skill-60-63.pdf>
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Hj Khalid. (1994). *Pengaruh Bahasa Arab Dalam Memperteguh dan Memperkaya Bahasa Melayu : Suatu Pengamatan.*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford, R.L. (2006). *Task Based Language Teaching And Learning: An Overview*. *Asian EFL Journal*, 8(3). Dimuat turun daripada [http://www.asian-efl-journal.com/sept\\_06\\_ro.php](http://www.asian-efl-journal.com/sept_06_ro.php).
- Prabhu, N. S. (1987). *Second Language Pedagogy*. Oxford: Oxford University Press.
- Radinah Uthman Yusuf, Hizam Uthman Yusuf. (2005). *Taraiq Ad Tadris Manhaj, Uslub, Wasilah*. Cet 1. Jordan: Darul Manahij.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pts Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rukabi, Jaudat. (1986). *Turuq Tadris al- Lughah al- Arabiyyah*. Damsyik: Darul Fikir.
- Salah Abd. Majid Al-'Arabiyy. t.t. *Ta'allum Al-Lughat Al-Hayyat Wa Ta'limuha*. Maktabat Lubnan. Kaherah.

- Sanchez, A. (2004). *The Task Based Approach in Language Teaching*. International Journal of English Studies. Siri 4 (1). Dimuat turun daripada [www.um.es/engphil/ijes](http://www.um.es/engphil/ijes).
- Sapon Ibrahim. *Kaedah Pengajaran*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Dimuat turun daripada <http://www.scribd.com/doc/51310313/7-1-KAEDAH-PENGAJARAN1>
- Shahrin Awaludin. (2000). *Kaedah pengajaran bahasa asing : satu perbincangan konsep dan pelaksanaannya di malaysia pada alaf baru*. Dibentangkan di Wacana khas 'Pengajaran Dan Pembelajaran bahasa Asing Di Alaf Baru'. Dimuat turun daripada <http://www.geocities.com/pendislam/asing.html>
- Student Handbook 2014/2015. Admission & Records Department, Centre For Foundation Studies, Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ta'imah, Rushdi Ahmad. (1985). *Dalil 'amal fi I'dad al- 'amal al- ta'limiyyah li baramij ta'lim al- lughah*. Makkah al- Mukarramah: Ma'had al- Lughah al- Arabiyyah. Jami'ah Ummu al- Qura.
- Ta'imah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lim al- Lughah al- Arabiyyah lighair al- Natiqin biha manahijuhu wa asalibuhu*. Mesir: Jami'ah al Mansurah.
- Tareq Mitib Murad. (2009). *The Effect of Task-Based Language Teaching on Developing Speaking Skills among the Palestinian Secondary EFL Students in Israel and Their Attitudes towards English*. Universiti Yarmouk. Jordon. Dimuat turun dari <http://asian-efl-journal.com/Thesis/Thesis-Murad.pdf>.
- Willis J. (1996). *A Framework for Task-Based Learning*. Harlow: Pearson Education Ltd.
- Zainal Abidin Abd. Kadir (1990). *Pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kertas kerja Seminar Perkembangan Pengajaran Bahasa Arab. Anjuran UIA dengan kerjasama KPM dan Maahad al Ulum al Islamiah Wal Arabiah, Jakarta.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soal selidik ini merupakan instrumen yang digunakan oleh penulis untuk mengumpul maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan laporan penyelidikan yang bertajuk : ***Pengajaran Bahasa Arab: Kajian Terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa berasaskan Tugas (KPBBT) di Pusat Asasi UIAM.***

Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian: Bahagian pertama mengandungi maklumat peribadi pensyarah seperti bangsa, pengalaman dan pendidikan. Sementara bahagian kedua mengandungi keseluruhan item soal selidik yang berkaitan dengan KPBBT.

Semua maklumat adalah dirahsiakan. Kerjasama dan kesudian ustaz/ ustazah menjawab soal selidik ini secara ikhlas amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Nor Syahida Binti Ahmad

TGA 090006

Jabatan Bahasa- Bahasa Moden

Fakulti Bahasa & Linguistik, UM.



**BAHAGIAN A : MAKLUMAT DEMOGRAFIK PERIBADI**

**Sila tandakan (✓) dalam ruangan yang sesuai.**

15. Bangsa

Melayu

<input type="checkbox"/>	1
<input type="checkbox"/>	2

Arab

16. Pengalaman Mengajar

< 10 tahun

<input type="checkbox"/>	1
<input type="checkbox"/>	2
<input type="checkbox"/>	3

11 – 20 tahun

> 21 tahun

17. Pendidikan:

Ijazah Doktor Falsafah

<input type="checkbox"/>	1
<input type="checkbox"/>	2
<input type="checkbox"/>	3

Ijazah Sarjana

Ijazah Sarjana Muda

Lain- lain \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN B

### I- PENGETAHUAN PENSYARAH TERHADAP KAEDAH PENGAJARAN BAHASA BERASASKAN TUGASAN (KPBBT)

*Pernyataan-pernyataan berikut adalah menggambarkan pengetahuan pensyarah terhadap KPBBT. Sila nyatakan persetujuan anda terhadap item-item berikut di bawah berdasarkan sejauh manakah ianya tepat seperti yang anda rasakan.*

*Bulatkan nombor yang sesuai berpandukan kepada skala berikut:*

- 1 = Sangat tidak bersetuju
- 2 = Tidak bersetuju
- 3 = Tidak Pasti
- 4 = Bersetuju
- 5 = Sangat bersetuju

	<b>Perkara</b>	<b>Skala</b>				
18.	KPBBT ialah kaedah pengajaran bahasa berpusatkan pelajar.	1	2	3	4	5
19.	KPBBT fokus kepada aspek makna berbanding nahu.	1	2	3	4	5
20.	KPBBT meningkatkan aspek kemahiran bertutur pelajar.	1	2	3	4	5
21.	KPBBT menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif.	1	2	3	4	5
22.	KPBBT melatih pelajar berkomunikasi dalam BA melalui tugas yang diberikan.	1	2	3	4	5
23.	KPBBT menyokong pembelajaran sendiri.	1	2	3	4	5
24.	KPBBT terbahagi kepada 3 peringkat; pra tugas, tugas utama dan pasca tugas.	1	2	3	4	5

## II- PENGALAMAN PENSYARAH MENGGUNAKAN KPBBT

*Pernyataan-pernyataan berikut adalah menggambarkan pengalaman pensyarah menggunakan KPBBT. Sila nyatakan persetujuan anda terhadap item-item berikut di bawah berdasarkan sejauh manakah ianya tepat seperti yang anda rasakan.*

*Bulatkan nombor yang sesuai berpandukan kepada skala berikut:*

- 1 = Sangat tidak bersetuju
- 2 = Tidak bersetuju
- 3 = Tidak Pasti
- 4 = Bersetuju
- 5 = Sangat bersetuju

	<b>Perkara</b>	<b>Skala</b>				
25	KPBBT menarik minat pelajar mempelajari BA.	1	2	3	4	5
26	KPBBT menggalakkan penggunaan BA.	1	2	3	4	5
27	KPBBT lebih praktikal kepada pelajar di peringkat tinggi.	1	2	3	4	5
28	KPBBT mengintegrasikan semua kemahiran bahasa.	1	2	3	4	5
29	KPBBT meningkatkan motivasi pelajar mempelajari BA.	1	2	3	4	5
30	KPBBT meningkatkan kreativiti pelajar.	1	2	3	4	5
31	KPBBT membantu pelajar menguasai semua kemahiran bahasa.	1	2	3	4	5
32	Silibus dan buku teks yang disediakan membantu pensyarah mempraktikkan KPBBT.	1	2	3	4	5
33	KPBBT tidak sesuai untuk pelajar peringkat permulaan.	1	2	3	4	5
34	KPBBT membebankan kerana memerlukan lebih persediaan.	1	2	3	4	5
35	Sukar mempraktikkan KPBBT kerana masa pengajaran yang terhad.	1	2	3	4	5

36	Sukar menilai pencapaian pelajar secara individu kerana tugas dilakukan berkumpulan.	1	2	3	4	5
37	Silibus yang disediakan tidak sesuai.	1	2	3	4	5
38	KPBBT tidak membantu pelajar menjawab soalan peperiksaan.	1	2	3	4	5

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soal selidik ini merupakan instrumen yang digunakan oleh penulis untuk mengumpul maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan laporan penyelidikan yang bertajuk : ***Pengajaran Bahasa Arab: Kajian Terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa berasaskan Tugas (KPBBT) di Pusat Asasi UIAM.***

Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian: Bahagian pertama mengandungi maklumat peribadi pelajar, bahagian kedua mengandungi soalan tentang aspek umum kursus Bahasa Arab pelajar, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah yang menggunakan KPBBT dan bahagian terakhir menyentuh tentang keberkesanan KPBBT kepada pelajar.

Semua maklumat adalah dirahsiakan. Kerjasama dan kesudian saudara/ ri menjawab soal selidik ini secara ikhlas amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Nor Syahida Binti Ahmad

TGA 090006

Jabatan Bahasa- Bahasa Moden

Fakulti Bahasa & Linguistik, UM.

## ARAHAN

**Anda diminta menandakan (  $\checkmark$  ) atau menulis pada ruangan yang telah disediakan.**

### **BAHAGIAN A : MAKLUMAT DEMOGRAFIK PERIBADI**

1. Jantina:

Lelaki	<input type="checkbox"/>	1
Perempuan	<input type="checkbox"/>	2

2. Umur:

18 tahun	<input type="checkbox"/>	1
19 tahun	<input type="checkbox"/>	2
20 tahun	<input type="checkbox"/>	3

3. Jabatan:

Undang- undang	<input type="checkbox"/>	1
Bahasa Arab & Kesusasteraan	<input type="checkbox"/>	2
Bahasa & Pengurusan	<input type="checkbox"/>	3
Ilmu Wahyu	<input type="checkbox"/>	4
Sains Kemanusiaan	<input type="checkbox"/>	5
Senibina dan Rekabentuk Persekitaran	<input type="checkbox"/>	6
Kejuruteraan	<input type="checkbox"/>	7

Teknologi Maklumat & Komunikasi	<input type="checkbox"/>	8
Bahasa Inggeris	<input type="checkbox"/>	9
Lain- Lain	<input type="checkbox"/>	10
( <i>sila nyatakan di bawah</i> )		
_____		

4. Aliran Pengajian Semasa Di Sekolah Menengah

Agama	<input type="checkbox"/>	1
Sains	<input type="checkbox"/>	2
Sastera	<input type="checkbox"/>	3
Lain-lain	<input type="checkbox"/>	4
( <i>sila nyatakan di bawah</i> )		
_____		

5. Adakah anda memiliki sijil kelulusan bahasa Arab?

Ya	<input type="checkbox"/>	1
Tidak	<input type="checkbox"/>	2 (Jika Tidak, sila terus ke bahagian B)

Jika Ya, sila tandakan ruangan di bawah:

Sijil Khas Sekolah Agama	<input type="checkbox"/>	1
Penilaian Menengah Rendah	<input type="checkbox"/>	2
Sijil Pelajaran Malaysia	<input type="checkbox"/>	3

**BAHAGIAN B: ASPEK UMUM MENGENAI KURSUS BAHASA ARAB**

Bagi soalan 6 hingga 8, sila tanda (  $\surd$  ) pada satu pilihan yang berkaitan.

6. Adakah anda meminati kursus Bahasa Arab?

a. Ya

b. Tidak


7. Apakah tahap kursus Bahasa Arab anda?

a. LQM0108

b. LQM0208

c. LQM0430

d. LQM0516

e. LQM0616


8. Apakah pandangan anda terhadap Kursus Bahasa Arab di UIAM?

a. Amat susah

b. Susah

c. Sederhana

d. Senang

e. Amat senang




**BAHAGIAN C: PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN PENSYARAH BAHASA ARAB MENGGUNAKAN KPBBT**

*Pernyataan-pernyataan berikut adalah menggambarkan aspek-aspek berkaitan pengajaran pensyarah Bahasa Arab anda. Sila nyatakan persetujuan anda terhadap item-item berikut di bawah berdasarkan sejauh manakah ianya tepat seperti yang anda rasakan.*

Bulatkan nombor yang sesuai berpandukan kepada skala berikut:

- 1 = Sangat tidak bersetuju
- 2 = Tidak bersetuju
- 3 = Tidak pasti
- 4 = Bersetuju
- 5 = Sangat bersetuju

<b>Perkara</b>	<b>Skala</b>				
9. Pensyarah saya menggunakan KPBBT dalam pengajaran BA.	1	2	3	4	5
10. Pensyarah saya membantu saya memahami tugas yang diberikan.	1	2	3	4	5
11. Pensyarah memberikan senarai perkataan dan frasa yang sesuai dengan tugas.	1	2	3	4	5
12. Pensyarah saya memberi semangat dan motivasi bagi menyiapkan tugas.	1	2	3	4	5
13. Pensyarah membantu saya berkomunikasi dalam BA.	1	2	3	4	5
14. Pensyarah memberi tunjuk ajar semasa melakukan tugas berkumpulan.	1	2	3	4	5
15. Pensyarah memberikan komen dan memperbaiki kesalahan BA saya semasa pembentangan.	1	2	3	4	5

#### **BAHAGIAN D: PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KPBBT**

*Pernyataan-pernyataan berikut adalah menggambarkan persepsi pelajar terhadap KPBBT. Sila nyatakan persetujuan anda terhadap item-item berikut di bawah berdasarkan sejauh manakah ianya tepat seperti yang anda rasakan.*

*Bulatkan nombor yang sesuai berpandukan kepada skala berikut:*

- 1 = Sangat tidak bersetuju
- 2 = Tidak bersetuju
- 3 = Tidak pasti
- 4 = Bersetuju
- 5 = Sangat bersetuju

<b>Perkara</b>	<b>Skala</b>				
16. KPBBT menarik minat saya mempelajari BA.	1	2	3	4	5
17. KPBBT membantu saya menguasai kemahiran bertutur dan mendengar.	1	2	3	4	5
18. KPBBT membantu saya menguasai kemahiran membaca dan menulis	1	2	3	4	5
19. KPBBT memupuk semangat bekerjasama dalam kumpulan.	1	2	3	4	5
20. KPBBT melatih saya berinteraksi di hadapan umum.	1	2	3	4	5
21. KPBBT membina keyakinan diri saya.	1	2	3	4	5
22. KPBBT membantu saya menguasai BA dengan lebih mudah dan berkesan.	1	2	3	4	5
23. Pembelajaran BA lebih menyeronokkan dengan KPBBT.	1	2	3	4	5
24. KPBBT memberikan impak positif dalam pembelajaran BA saya.	1	2	3	4	5